



KERTAS HITAM MUDA

DISEDIAKAN OLEH:
BIRO DASAR MUDA
12 OKTOBER 2022

Ringkasan Eksekutif

Sekali pandang:



Falsafah

Falsafah MUDA berasal daripada sebuah penumpuan konsep. Pendekatan pragmatis ini, daripada pembangunan ekonomi hingga pembentukan masyarakat inklusif, adalah disempadani oleh suatu "Kuadrat Kepercayaan" untuk memastikan kepentingan Rakyat diutamakan dalam penggubalan dasar MUDA. Kuadrat Kepercayaan boleh dibayangkan seperti sebiji pil - yang mana penghadamannya boleh bersifat mencegah, mengubat, memulih dan memberi semula tenaga.



PENGANTAR

"Kertas Hitam" ini merangkumi falsafah dan panduan dasar MUDA dalam memberikan khidmat kepada rakyat.

TUMPUAN RAKYAT



Pendidikan



Rasuah



Ekonomi



Peluang Pekerjaan

CADANGAN



Pendekatan Ekonomi Baru



Pembaharuan Institusi



Pembinaan Semula Modal Insan Malaysia



Pembangunan Lestari Luar Bandar & Bandar

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



Pengantar		
A	"Kertas Hitam" merangkumi falsafah dan panduan dasar MUDA dalam memberikan khidmat kepada rakyat	1
Falsafah		
B	Falsafah MUDA berasal daripada sebuah penumpuan konsep ke arah membentuk masyarakat inklusif	3
C. Pendekatan Ekonomi Baru		6
C1: Meningkatkan pendapatan boleh guna kerajaan		8
1. Memperkenalkan subsidi petroleum bersasar berdasarkan tahap pendapatan		8
2. Memperkenalkan cukai progresif ke atas golongan berpendapatan ultra kaya dan harta pusaka		9
C2: Meningkatkan perbelanjaan pembangunan dengan kesan pengganda yang tinggi		10
C2A: Fokus MPB 1: Memanfaatkan tema sektor baharu dalam membina aliran pendapatan baharu dan pulangan mampan untuk negara		12
C2A.1 Industri pembuatan E&E bernilai tambah tinggi		13
C2A.2 Platform digital		16
C2A.3 Pelancongan		18
C2A.4 Teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui		20

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



C

C. Pendekatan Ekonomi Baru

22

C2B: Fokus MPB 2: Menghidupkan semula pelaburan swasta dalam menerajui pertumbuhan dan inovasi serta menghapuskan penyelewengan pasaran

C2B.1 Menggantikan dasar afirmatif DEB dengan dasar berdasarkan keperluan untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan sambil menghapuskan halangan kepada pelaburan swasta	24
C2B.2 Melengkapkan insentif penggunaan teknologi dengan program fasilitasi pelaksanaan yang komprehensif	27
C2B.3 Memperkemaskan insentif Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan program promosi pelaburan yang lebih berdaya saing	28
C2B.4 Mengerahkan langkah insentif dan pemudahan secara proaktif untuk menggalakkan Pelaburan Langsung Domestik (DDI)	30
C2B.5 Membina keupayaan pendidikan dan R&D untuk memastikan ketersediaan bakat bagi menyokong pelaburan	31

C2C: Fokus MPB 3: Mewujudkan ekosistem pembiayaan alternatif yang diperkemas dan menyeluruh untuk menyokong transformasi perniagaan Malaysia

C2C.1 Pengumpulan dan penyelarasaran sumber awam untuk mencapai skala dan pembiayaan berterusan	33
C2C.2 Meningkatkan pembiayaan awam dan memberi insentif kepada pembiayaan swasta	34
C2C.3 Memperhalusi seni bina ekosistem pemangkin <i>start-up</i> untuk membantu menjana aliran urus niaga yang berkualiti	36

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



C

C. Pendekatan Ekonomi Baru

C2D: FOKUS MPB 4: Meningkatkan Kesediaan untuk Masyarakat Malaysia yang Semakin Tua	39
C2D.1 Melaksanakan sistem insurans kesihatan sosial yang lebih komprehensif	39
C2D2: Memperkenal ekosistem penjagaan warga emas dan kanak-kanak yang bermutu tinggi	40

D

D. Pembangunan Lestari Luar Bandar & Bandar

D1: Pelan Pengangkutan Awam Nasional	43
D1.1 Fokus PPAN 1: Meningkat dan memperluas akses kepada pengangkutan awam dan sambungan titik terakhir, kemudahan transit dan laluan khusus pengangkutan awam	44
D1.2 Fokus PPAN 2: Memperkenal langkah meningkatkan akses pejalan kaki di kawasan berkepadatan tinggi	44
D1.2.1 Meningkatkan akses pejalan kaki merentasi bandar	45
D1.2.2 Menukar jalan-jalan utama kepada kawasan jalan kaki untuk mewujudkan ruang hijau dan ‘lebuh pejalan kaki’ di tengah-tengah bandar	45
D1.2.3 Melaksanakan rangkaian laluan pejalan kaki berbumbung dan bertingkat sepanjang 15km di jalan-jalan utama	46
D1.3 Fokus PPAN 3: “Rangkaian Bas Nasional”: Lorong khas dan pengangkutan elektrik (bas dan van) di seluruh negara dengan kekerapan 10 minit dalam tempoh lima tahun	46
D1.4 Fokus PPAN 4: “Pas Pengangkutan Rakyat”: Membolehkan Pengangkutan Awam Diakses Secara Mudah dan Murah	48
D1.5 Fokus PPAN 5: Merapatkan Jurang Perhubungan Antara Kawasan Luar Bandar-Bandar dan Semenanjung-Borneo	49

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



D

D. Pembangunan Lestari Luar Bandar & Bandar

D2: Pelan Mitigasi dan Adaptasi Iklim Nasional	50
D2.1 Fokus PMAIN 1: Menyiapkan Malaysia bagi Menghadapi cuaca ekstrem	51
D2.2 Fokus PMAIN 2: Menerapkan perkhidmatan pengurusan sisa moden dan hijau di semua daerah	53
D2.2.1 Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR)	54
D2.2.2 Plastik Sekali Guna	55
D2.2.3 Pengasingan Sisa di Seluruh Negara	55
D2.3 Fokus PMAIN 3: Meningkatkan Usaha Pemeliharaan & Pemuliharaan	56
D2.3.1 Meningkatkan % Kawasan Perlindungan kepada 30%	56
D2.3.2 Memastikan Akauntabiliti dalam Penyahwartaan Hutan oleh Kerajaan Negeri	57
D2.3.3 Memaksimumkan Sarana Ekonomi bagi Usaha Pemuliharaan	57
D3: Meningkatkan Daya Tahan Sekuriti Makanan Negara Melalui Pertanian Moden	58
D3.1 Penggunaan subsidi pertanian yang lebih berkesan	59
D3.2 Memodenkan amalan pertanian	59
D3.3 Memastikan tanah pertanian digunakan sepenuhnya dan meningkatkan akses tanah kepada petani penyewa	60
D3.4 Pemerkasaan menerusi Dana Agropreneur Belia Negara	60
D3.5 Mewujudkan Tabung Pengurusan Pertanian (TPP) sebagai Perlindungan Kewangan Agropreneur	61
D3.6 Mewujudkan Jalinan Hubung Tani Semenanjung-Borneo	61

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



E

Menggubal Pembaharuan Institusi	62
E.1 Memperuntukkan jumlah dan akses yang sama rata di bawah Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya (CDF)	63
E.2 Memperkuuhkan kebebasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	63
E.3 Mengasingkan kuasa Peguam Negara daripada Pendakwa Raya	64
E.4 Menubuhkan Pasukan Petugas Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis ("IPCMC")	64
E.5 Mengkaji semula dasar dan perundangan yang <i>gender-biased</i>	65
E.6 Menggesa pembaharuan GLIC & GLC	
E.6.1 Mengkaji semula peranan, dasar pemilikan dan peraturan GLIC dan GLC untuk mengurangkan salah agih sumber	67
E.6.2 Melembagakan sebuah badan pengawasan awam bebas ke atas GLIC dan GLC	68
E.6.3 Menolak pelantikan ahli politik yang memegang tanggungjawab dan jawatan dalam GLIC dan GLC	68
E.6.4 Mewajibkan pelantikan golongan belia profesional dalam pentadbiran lembaga pengarah GLIC dan GLC	69
E.7 Mendigitalkan sepenuhnya perkhidmatan kerajaan untuk mengurangkan ketirisan & meningkatkan kecekapan perkhidmatan	70
E.8 Memastikan tuntutan Sabah dan Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dipenuhi sepenuhnya	70
E.9 Penyeragam Kawalan dan Operasi Pendidikan TVET	71
E.10 Menyemak Semula Peranan Tabung PTPTN dan Pembebasan Hutang Graduan	71
E.11 Mendesak KWSP untuk Membolehkan Pembayaran KWSP oleh Kontraktor <i>Gig Economy</i>	72

Kertas Penemuan— Falsafah & Arah Dasar

ISI KANDUNGAN



F

Pembinaan Semula Modal Insan Malaysia	73
F1: Meningkatkan Akses kepada Pelajar Yang Paling Terdedah	74
F1.1: Memperbaharui matlamat penggunaan sekolah berasrama penuh	75
F1.2: Tingkatkan ketersambungan digital di setiap sekolah	75
F1.3 Menyediakan tab digital kepada setiap pelajar B40 & M40 yang layak	76
F1.4 Menyediakan Bank Sumber dalam talian	76
F1.5 Mempermudah akses pendidikan kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan terpinggir	77
F1.6 Membolehkan pendaftaran semua kanak-kanak B40 & M40 ke prasekolah	77
F1.7 Memastikan setiap pelajar sekolah rendah milik kerajaan diberikan sarapan	78
F2: Reskill dan Upskill Bakat Sedia Ada	79
F2.1 Menghapuskan halangan berkaitan kos ke arah peningkatan kemahiran yang didorong oleh industri	79
F2.2 Guna semula pendidikan TVET ke arah pekerjaan sendiri profesional & sokongan teknikal <i>back-end</i>	79
F2.3 Memberikan autonomi mutlak kepada semua institusi pendidikan tinggi awam	80
F2.4 Menyemak semula semua sukan pelajaran pengajian tinggi di IPTA	80
F2.5 Memperluas hab inkubasi ke setiap daerah	81
F2.6 Memperhebat perkembangan bakat dalam industri sukan	81
F2.7 Memacu pembangunan industri seni, perfileman dan muzik	82

A. PENGANTAR

“Kertas Hitam” ini merangkumi falsafah dan panduan dasar MUDA dalam memberikan khidmat kepada rakyat.

Kertas Hitam berperanan sebagai peringatan bahawa khidmat awam dan idealisme harus berpijak pada pendekatan berteraskan penyelesaian. Falsafah MUDA ini mengaspirasikan impian rakyat ke arah sebuah negara Malaysia yang maju dan holistik.

Pendekatan ini, tidak kira di mana bidang yang didukungnya, haruslah selaras dengan nilai-nilai yang dipegang oleh MUDA. Walaupun nilai-nilai ini boleh berubah apabila Malaysia beralih daripada satu fasa pembangunan kepada fasa pembangunan yang lain, falsafah yang terkandung dalam Kertas Hitam harus menjadi “the True North” bagi ahli-ahli untuk mempertanggubjawab dan mengawasi kepimpinan MUDA. Oleh itu, penyemaian isi Kertas Hitam ini adalah perlu bagi ahli MUDA dalam memahami bahawa penyertaan mereka, tidak kira menerusi cara apa pun, boleh menjadi pemangkin ke arah melaksanakan perubahan organik melangkaui pembinaan bangsa, agama, dan demografi.

Kertas Hitam adalah bersifat aspirasi dan mencerminkan keprihatinan asas yang disuarakan oleh responden yang ditemubual daripada inisiatif Malaysia Maju. Ia merupakan pembuka-bicara dan bertujuan untuk memacu perbincangan awam bagi memacu ekonomi yang inklusif dan berdaya saing, mengagihkan semula kejayaan ekonomi melalui pembangunan yang saksama, memastikan kebebasan institusi awam, dan menyediakan

A. PENGANTAR

kehidupan yang terjamin melalui pelaburan yang disasarkan dalam modal insan. Usaha MUDA menerusi Malaysia Maju membuktikan bahawa suara anak-anak muda itu merupakan tunjang kepada agenda perubahan menerusi pembawakan politik yang berteraskan polisi dan bukan hanya retorik.

Pangkalnya, Kertas Hitam akan menghuraikan pendekatan berdasarkan nilai-nilai yang berikut:

- **Nilai fizikal** - pembangunan yang mesra penduduk dan seiring dengan capaian pendapatan
- **Nilai insan** - pembentukan masyarakat yang berhemah, berskil, terjaga dan mempunyai kehidupan yang bermakna
- **Nilai tambah** - menerusi pembentukan idea baru, inovasi dan penciptaan
- **Nilai kewangan** - peletakan kapital yang produktif dan menjana pertumbuhan segenap lapisan masyarakat
- **Nilai sosial** - komuniti majmuk yang bertoleransi dan berpendekatan *no one is left behind*
- **Nilai institusi** - kepimpinan yang berdasarkan khidmat dan dasar.

B. FALSAFAH

Falsafah MUDA berasal daripada sebuah penumpuan konsep. Pendekatan pragmatis ini, daripada pembangunan ekonomi hingga pembentukan masyarakat inklusif, bagaimanapun disempadani dengan “Kuadrat Kepercayaan” untuk memastikan kepentingan Rakyat diutamakan dalam penggubalan dasar MUDA.

Kuadrat Kepercayaan boleh dibayangkan seperti sebiji pil – yang mana penghadamannya boleh bersifat mencegah, mengubat, memulih dan memberi semula tenaga.

1

Merangkul tindakan afirmatif yang berdasarkan keperluan untuk membasmi kemiskinan dan ketidakupayaan untuk memenuhi keperluan fisiologi dan keselamatan asas manusia.

2

Melaksanakan dasar *No One is Left Behind* untuk memastikan bahawa segmen penduduk yang paling rentan tidak mengalamikekangan dalam *upward mobility* mereka.


4

Mengagihkan usaha secara saksama ke arah keadaan hidup yang kalis masa depan, pembangunan ekonomi modal insan ke seluruh rantau dan kelas sosioekonomi.

Kuadrat Kepercayaan MUDA

3

Menyemai masyarakat yang harmoni dan tidak bersifat diskriminasi yang dijaga oleh institusi awam yang bebas, telus dan bertanggungjawab.



B. FALSAFAH

Menerusi Kuadrat Kepercayaan ini, MUDA mencadangkan agar inisiatif-inisiatif yang akan dikongsikan dalam Kertas Hitam dijadikan sandaran dalam perbincangan untuk membawa Malaysia kearah pembangunan yang lebih inklusif, seimbang dan berintegriti.

C. PENDEKATAN EKONOMI BARU



C. PENDEKATAN EKONOMI BARU



Menurut unjuran antarabangsa, Malaysia berkemungkinan beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi antara 2024 dan 2028. Tetapi ini bukan suatu kepastian dengan adanya persaingan antarabangsa yang semakin sengit dan impak negatif COVID-19 kepada sosio-ekonomi tempatan. Namun jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai status berpendapatan tinggi dalam beberapa dekad kebelakangan ini, Malaysia pada hakikatnya berkembang dengan lebih perlahan. Terdapat juga kesedaran yang semakin meningkat bahawa masih terdapat pekerjaan dengan gaji yang tidak mencukupi dengan kos sara hidup mengatasi pendapatan serta kesedaran umum bahawa peluang dan kemakmuran negara tidak dikongsi secara saksama.

Tahap hutang kerajaan Malaysia adalah sangat tinggi. Sehingga Jun 2022, hutang kerajaan berjumlah RM1.045 trilion, atau kira-kira 64% daripada KDNK Malaysia. 64% hutang kepada KDNK ini adalah melebihi had statutori sebelum ini iaitu 60% yang dilanjutkan sementara sebanyak 65%. Pada tahun 2022, kerajaan Malaysia akan membayar RM43 bilion, iaitu ~20% daripada jumlah hasil kerajaan, hanya untuk membayar hutang.

Angka pembayaran faedah kerajaan telah meningkat dengan pesat, meningkat kepada RM43 bilion pada tahun 2022 daripada RM34 bilion pada tahun 2020. MUDA menjangkakan kos faedah akan turut meningkat dalam masa terdekat. Ini termasuk pengiraan pembayaran hutang 1MDB

C. PENDEKATAN EKONOMI BARU

sebanyak RM25.9 bilion yang akan mengambil masa sehingga tahun 2039 untuk dilunaskan – yang mana bayaran faedahnya sahaja melebihi RM290 juta setahun. Sementara itu, sebahagian besar daripada perbelanjaan fiskal Malaysia dibelanjakan untuk perbelanjaan operasi, dan bukannya untuk mewujudkan pengganda baharu melalui inisiatif pembangunan.

Justeru, MUDA mencadangkan pendekatan serampang dua mata dengan meningkatkan pendapatan boleh guna kerajaan dan mengeluarkan penjimatan yang diharapkan bagi meningkatkan perbelanjaan pembangunan dengan kesan pengganda yang tinggi. MUDA berhasrat untuk menyemak kembali sistem percukaian yang ada, menambahbaik jaringan keselamatan rakyat, serta memberi penekanan untuk merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar – terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Kertas Hitam menawarkan suatu kontrak sosial baharu antara kerajaan dan rakyat agar khazanah dan pembangunan negara ini dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

C1: MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH GUNA KERAJAAN

1. Memperkenalkan subsidi petroleum bersasar mengikut tahap pendapatan
 - a. MUDA mencadangkan untuk menghapuskan subsidi pukal semasa untuk produk bahan api secara beransur-ansur, bermula penghapusan subsidi untuk golongan T20, dan melaksanakan pemindahan tunai (cash transfer) berdasarkan kurungan pendapatan individu.

Proses ini akan dipadankan dengan cukai jalan dan butiran isi rumah supaya penilaian subsidi yang lebih tepat dapat dilakukan. Butiran data sedia ada akan ditambahbaik dan disatukan agar tidak ada pertindahan dalam penerimaan bantuan tunai kerajaan.

Memandangkan lebih separuh daripada subsidi bahan api semasa diberikan kepada isi rumah T20, MUDA menganggarkan bahawa kerajaan mampu menjimatkan sekurang-kurangnya 50% daripada subsidi atau RM15 bilion setahun berdasarkan kos 2022.

C1: MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH GUNA KERAJAAN

2. Memperkenalkan cukai progresif secara beransur-ansur ke atas golongan berpendapatan ultra kaya dan harta pusaka Berdasarkan prinsip:

Cukai tambahan ke atas golongan berpendapatan ultra kaya

Pendapatan yang ketara dijana daripada pemilik perniagaan kaya tidak dicukai sebelum ini. Cukai dividen adalah satu mekanisma yang boleh diperkenalkan pada kadar permulaan yang rendah dan akan meningkat secara beransur-ansur mengikut jumlah keuntungan tanpa melebihi daripada 5% setahun.

- Ditetapkan pada 1% daripada pendapatan dividen melebihi RM5 juta. Ini bermakna isi rumah kelas menengah dan pemilik perniagaan kecil tidak harus membayar cukai ke atas dividen mereka.
- Syarikat atau pegangan milikan awam hanya boleh dikecualikan jika jumlah percukaian dilaburkan semula ke arah peningkatan produktiviti dan tambah nilai pengeluaran menerusi *research & development* (R&D)

Cukai warisan

MUDA akan berusaha untuk memperkenalkannya secara perlahan-lahan dan beransur-ansur, dengan memberi tumpuan kepada warisan harta tanah, ekuiti dan wang tunai. MUDA berhasrat memperkenalkan cukai warisan ini pada kadar permulaan yang rendah iaitu 1% bagi RM1 juta yang pertama. Mekanisme ini adalah seperti berikut:

- Cukai dilaksanakan semasa pemindahan pemilikan aset.
- Bagi aset tidak alih, cukai hanya akan dikenakan selepas penjualan aset tersebut.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Bagi mempersiapkan Malaysia menghadapi cabaran masa kini dan masa depan, MUDA menetapkan pendekatan yang segar untuk memulihkan dan memulakan aktiviti ekonomi baru. Dasar ekonomi berasaskan kaum, walaupun bermula dengan niat baik, telah diambil kesempatan oleh golongan elit Bumiputera. Ketidakseimbangan ini bukan sahaja telah merencatkan lapangan pasca DEB bagi orang Melayu dan bukan Melayu yang layak, tetapi juga menafikan rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan ke arah meningkatkan mobiliti membangun mereka.

Tanpa pembaharuan yang ketara, pemerhati antarabangsa menganggarkan pertumbuhan Malaysia akan merosot kepada 2% setahun menjelang 2050, kurang daripada separuh kadar pertumbuhan purata 4.25% setahun yang dilaporkan sepanjang dekad yang lalu (2010-21). Oleh yang demikian, Malaysia kini berada di persimpangan kritikal. Tanpa mengambil tindakan reformis yang boleh mengubah kekangan struktur sedia ada, Malaysia akan terus tertinggal dengan adanya persaingan oleh negara-negara lain yang mempunyai *competitive edge* tersendiri dalam menarik pelaburan dan industri bernilai tinggi.

"Negara perlu menggiatkan semula pertumbuhan jangka panjang melalui tumpuan sektoral baharu, meningkatkan daya saing dan mereformasi institusi-institusi yang telah menyelewengkan pasaran dan menghalang pertumbuhan pemain swasta."

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Berlatarbelakangkan ini, "Model Pembangunan Baru" (MPB) amatlah diperlukan bagi Malaysia, yang disusun mengikut lima bidang berikut:

Fokus MPB 1



Memanfaatkan tema sektor baharu dalam membina aliran pendapatan baharu dan pulangan mampan untuk negara

Fokus MPB 2




Menghidupkan semula pelaburan swasta dalam menerajui pertumbuhan dan inovasi serta menghapuskan penyelewengan pasaran

Fokus MPB 3



Mewujudkan ekosistem pembiayaan modal yang mencukupi untuk membiayai usaha niaga swasta berimpak tinggi dan pertumbuhan PKS di Malaysia

Fokus MPB 4



Perubahan institusi diperlukan untuk membina rizab dan kesediaan dalam menghadapi penuaan masyarakat

Kesemua MPB ini merujuk kembali kepada kontrak sosial baharu yang ditawarkan MUDA ke arah pembangunan yang lebih berekuiti dan lestari.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

➤ C2A: Fokus MPB 1: Memanfaatkan tema sektor baharu dalam membina aliran pendapatan baharu dan pulangan mampan untuk negara

Struktur ekonomi bagaimanapun perlu diimbangi semula untuk mencapai status berpendapatan tinggi dan dijajarkan semula dengan perubahan trend makro. Terdapat peningkatan kelemahan dalam fokus Malaysia terhadap pembuatan elektrikal dan elektronik (E&E) bernilai rendah, minyak sawit, serta minyak dan gas (O&G) yang menyumbang 58% daripada jumlah eksport pada 2020.

Sementara itu, sektor perkhidmatan Malaysia masih dikuasai oleh perdagangan borong dan runcit “tradisional” dan bukannya “perkhidmatan moden” seperti kewangan dan telekomunikasi yang mencirikan ekonomi berpendapatan tinggi. Pelaburan domestik juga, termasuklah daripada institusi-institusi pelaburan awam, adalah terlalu tertumpu kepada pelaburan hartanah sehingga menyebabkan lebihan aset yang tidak produktif. Walhal, penggunaan kapital ini boleh digunakan untuk memacu pertumbuhan industri baru dan penskalan perusahaan kecil dan sedarhana (SME) yang berpotensi tinggi.

Oleh itu, Malaysia perlu bertindak pantas dalam memanfaatkan kemajuan serantau, terutamanya penggunaan digital, pemulihan pelancongan pasca pandemik, keselamatan makanan dan teknologi hijau. Malaysia masih ketinggalan dalam bidang-bidang ini.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Vietnam dan Thailand telah mencapai kemajuan dalam hal ini dan telah menguasai sebahagian besar pelaburan baru-baru ini. Untuk menjadi lebih berdaya saing, Malaysia memerlukan pendekatan pelbagai serampang mata untuk memacu ekonominya.

- Meningkatkan daya saing dalam segmen yang sudah kukuh (contohnya E&E dan minyak sawit)
- Mengembangkan sektor-sektor baru yang semakin relevan di samping dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan bandar dan luar bandar.

Bahagian C2 ini selebihnya akan meneroka beberapa tema sektoral baharu untuk Malaysia membantu memacu inovasi, memanfaatkan pendapatan ekspot baharu dan menetapkan kadar ke arah kemampanan. Justeru, MUDA mencadangkan tema-tema sektoral ini dipertimbangkan untuk pembaharuan ekonomi dengan segera:

I C2A.1 Industri pembuatan E&E bernilai tambah tinggi

Sebelum pandemik pada tahun 2019, industri ini menyumbang 6.3% daripada KDNK dan menggaji hampir satu perempat daripada pekerja pembuatan di negara ini. Malaysia mempunyai salah satu ekosistem E&E yang paling komprehensif di Asia.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Walau bagaimanapun, industri ini kebanyakannya tertumpu dalam pembuatan *back-end* (pemasangan, ujian dan pembungkusan) yang menyumbang hanya 10% kepada nilai cip semikonduktor. Baki 90% disumbangkan oleh pembuatan *front-end* seperti fabrikasi wafer, reka bentuk dan pembangunan. Pengeluaran masih agak intensif buruh. Kebanyakan syarikat E&E yang tersenarai di Bursa Malaysia juga terlibat dalam rantaian nilai rendah hingga pertengahan sahaja.

Malaysia perlu meningkatkan daya saing rantaian nilai dalam menghadapi persaingan dari China, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Filipina. Pembuatan, yang tidak memegang IP atau penjenamaan, adalah yang paling terdedah kepada kemerosotan. Walaupun ada beberapa syarikat tempatan terlibat dalam beberapa operasi nilai tinggi, mereka tidak dapat dengan mudah meningkatkan daya saing oleh kerana kepakaran praktikal yang terhad.

Meningkatkan rantaian nilai memerlukan perubahan holistik dan struktur dalam pembangunan bakat. Masalah yang boleh dikenalpasti dalam hal ini ialah:



C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Ketidakcukupan pekerja teknikal yang layak dan berpengalaman untuk mengambil tugas bernilai tinggi.

Sebagai contoh, dasar yang lebih agresif diperlukan untuk meningkatkan bekalan graduan dengan kelayakan lanjutan dalam bidang teknikal. Dalam pada itu, insentif cukai (contohnya pelepasan cukai pendapatan) untuk menarik pekerja mahir juga boleh dianggap sebagai langkah interim.

Kekurangan kadar keusahawanan untuk memulakan usaha dengan penekanan kepada penjenamaan "Buatan Malaysia"

Walaupun inisiatif perubahan akan memakan perbelanjaan pelaburan yang besar, tempoh yang panjang dengan kadar kegagalan yang tinggi, sistem sokongan yang holistik perlu terus diberikan menerusi peletakan kapital yang efektif dan mencukupi.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

I C2A.2 Platform digital

Malaysia mempunyai beberapa kelebihan dalam ketersediaan bakat digital di mana beberapa syarikat digital global telah menubuhkan pangkalan operasi teknikal mereka di Malaysia. Malaysia mempunyai daya saing dalam perkhidmatan kewangan digital, terutamanya dalam bidang pembiayaan patuh syariah. Malaysia juga mempunyai beberapa usahawan teknologi yang berjaya, beberapa di antaranya telah melahirkan beberapa unicorn di Asia Tenggara.

Menjelang 2025, ekonomi digital di Malaysia dijangka mencapai USD35 bilion *Gross Market Value* pada kadar 14 peratus setahun. Carsome baru-baru ini muncul sebagai *unicorn* pertama Malaysia. Dalam laporan terkini HSBC, 10 syarikat teknologi Malaysia yang lain telah dikenal pasti untuk mencapai taraf *unicorn*.

Berdasarkan prospek ini, *start-up* digital Malaysia bersedia untuk meraih pertumbuhan dan memacu pembangunan negara dalam proses sedia ada. Namun, pemacuan ini memerlukan sokongan kerajaan dalam memupuk ekosistem yang sesuai menerusi penggalakan kerjasama yang kukuh oleh pihak berkepentingan dalam ruang tersebut.

Untuk memacu dan mengenal pasti usaha usahawan digital dengan lebih cepat, inkubator boleh diwujudkan di sepanjang taman perindustrian dengan pusat R&D yang terletak di wilayah-wilayah utama Malaysia. Pasca tahap *minimum viable product*,

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



kerajaan perlu salurkan bantuan menerusi program *accelarator* yang baik untuk memastikan pembiayaan, pembangunan dan pembawaan ke pasaran antarabangsa.

Ini juga memerlukan penyelarasan rapi agensi digital seperti Cradle Fund, MRANTI, MDEC dan Penjana Kapital bagi memastikan pembiayaan *start-up* berpotensi tinggi di beberapa fasa, terutamanya dalam fasa awal pembangunan produk di mana risiko kegagalan adalah lebih tinggi. Entiti-entiti ini juga harus menggabungkan sebarang kepentingan yang bertindih dan memberi tumpuan kepada melaksanakan fungsi fasilitator —sambil memindahkan peranan *talent matching*, pembiayaan dan pembangunan kepada firma-firma swasta yang bereputasi baik.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2A.3 Pelancongan

Pelancongan telah menjadi sektor penting di Malaysia (menyumbang 16% daripada KDNK dan 9.5% pekerjaan pada tahun 2019). Kedudukan daya saing global Malaysia bagaimanapun telah menurun—menduduki tempat ke-38 daripada keseluruhan 117 di peringkat global dalam Indeks Persaingan Perjalanan dan Pelancongan pada 2021 (jatuh daripada tempat ke-26 pada 2019). Malah sebelum pandemik, daya saing yang menurun telah pun dicerminkan oleh ketibaan pelancong yang tidak stabil antara 2016 dan 2019. Ini sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan pembangunan produk dan kekurangan tarikan pelancongan dan aktiviti pembangunan yang tidak diurus dengan baik. Sementara itu, aktiviti promosi menerusi platform digital tidak dimanfaatkan sepenuhnya dalam menangkap aliran pelancong.

Malaysia menghadapi persaingan sengit daripada negara-negara jiran kerana ia tidak mempunyai strategi jangka panjang yang baik terutamanya dalam pembangunan produk pelancongan baharu dan dalam memenuhi permintaan kontemporari (seperti *ecotourism*). Malah, pelan pemulihan pelancongan selama 5 tahun semasa telah diistilahkan oleh pemerhati sebagai mengambil masa yang terlalu lama.

Fasa pemulihan semasa bagaimanapun memberi peluang kepada penetapan semula industri untuk Malaysia. Pasca pandemik, wajah pelancongan telah berubah dengan ketara dengan peningkatan ketara pelancong domestik. Penggunaan teknologi juga telah

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

mengubah pengalaman pelancongan dan bagaimana ia dipasarkan dan disampaikan.

Tambahan lagi, kebanyakan destinasi Asia Tenggara juga tidak mempunyai kapasiti yang berlebihan untuk memenuhi lonjakan permintaan. Oleh itu, Malaysia harus merebut peluang dengan pendekatan yang lebih mampan.

Pelancongan mempunyai banyak hubungan dengan perniagaan kecil dan pelbagai kesampingan dengan skop nilai tambah yang besar. Oleh kerana aktiviti pelancongan secara relatifnya adalah berasaskan lokasi, ia juga boleh membantu menjana pendapatan di kawasan luar bandar.

Untuk menampung perbelanjaan baik pulih dan tambahbaik fasiliti pelancongan di setiap negeri, MUDA mencadangkan agar kerajaan negeri atau majlis perbandaran dibenarkan untuk mengutip levi serendah RM5 seorang kepada setiap pelancong asing yang menginap di kawasan tersebut. Dengan adanya purata 25 juta pelancong asing yang mengunjungi Malaysia setiap tahun, hasil levi ini boleh dijadikan sebagai insentif pembangunan khidmat dan infrastruktur di kawasan-kawasan tarikan pelancong.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2A.4 Teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui

Peralihan sektor utama dan pembangunan ekonomi hijau menawarkan peluang ekonomi tahunan USD1 trilion menjelang 2030 dengan peluang terbesar dalam tenaga boleh diperbaharui, mobiliti elektrik, pemuliharaan hutan, alam bina dan pertanian lestari. Hampir USD15 bilion telah dilaburkan secara kumulatif oleh pelbagai pelabur di Asia Tenggara sejak 2020 dengan USD11 bilion digunakan oleh pelbagai perbadanan dengan tumpuan kepada *renewable energy* dan *sustainable architecture*.

Menerusi COP26, Malaysia komited untuk mencapai sasaran sifar bersih menjelang 2050. Walaupun Malaysia telah mempelopori penerbitan sukuk hijau, rekod prestasi negara masih tidak konsisten. Sebagai contoh, transisi kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dilaporkan akan menjadi paling lambat di rantau ini.

Oleh itu, perlu ada dasar iklim yang lebih jelas melangkaui apa yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Cadangan MUDA adalah seperti berikut:

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Tenaga boleh diperbaharui

Kapasiti tenaga boleh diperbaharui di Asia Pasifik akan berkembang sebanyak 7% setahun dalam dekad akan datang. Dalam bidang tenaga solar, pengeluaran fotovoltaik solar (panel solar) mempunyai potensi teknikal tertinggi di sepanjang rantai nilai keseluruhan

Mobiliti elektrik

Kerajaan juga perlu memberi insentif kepada syarikat kenderaan elektrik (EV) untuk menubuhkan pusat penyelidikan dan memanfaatkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar E&E terkemuka untuk menghasilkan alat ganti E&E untuk EV. Ini memerlukan dasar EV yang jelas dan kerjasama awam-swasta untuk melaksanakannya

Teknologi hijau

Ini juga harus menjadi tumpuan dalam menarik Pelaburan Langsung Asing (contohnya melalui insentif dan geran). Walaupun pelaburan syarikat multinasional dalam teknologi hijau mungkin kecil pada mulanya, aktiviti R&D boleh mewujudkan beberapa permintaan awal dan memudahkan pembangunan kluster industri awal

Pembangunan industri-industri hijau boleh dijadikan sebagai *catalyst* kepada pembangunan ekonomi yang mesra alam dan tidak bersifat ekstraktif. Pendekatan ini berkait dengan pelan mendepani perubahan iklim MUDA dalam Bahagian D.



C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

- **C2B: Fokus MPB 2: Menghidupkan semula pelaburan swasta dalam menerajui pertumbuhan dan inovasi serta menghapuskan penyelewengan pasaran**

Tahap produktiviti Malaysia tidak berkembang seperti negara perindustrian Asia yang lain seperti Korea Selatan dan Taiwan. Ini disebabkan oleh keengganan syarikat multinasional untuk menjamin pemindahan pengetahuan. Kesannya, ekosistem teknologi tempatan tidak berkembang seperti yang diharapkan.

Satu halangan kritikal terhadap pertumbuhan tinggi yang berterusan ialah pelaburan tempatan yang tidak mencukupi dalam teknologi yang membawa kepada inovasi tempatan. Sebelum pandemik, terdapat kelembapan pertumbuhan pelaburan swasta—pertumbuhan sebenar pada tahun 2019 hanya 1.6% berbanding 4.6% pada tahun 2016 dan purata lebih daripada 10% setahun semasa tahun pasca Krisis Ekonomi Global sebelum 2015.

Untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi, kerajaan memerlukan pelaburan swasta ke dalam stok modal (contohnya jentera baru, peralatan ICT, perisian dan peningkatan teknologi) untuk meningkatkan produktiviti buruh.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Dengan persaingan Pelaburan Langsung Asing (FDI) serantau yang semakin meningkat dari negara-negara yang mempunyai kelebihan kos yang lebih baik (contohnya China, Vietnam dan Indonesia), Malaysia juga perlu melihat kepada sumber domestik untuk perniagaan menutup jurang di samping mengekalkan FDI.

Oleh itu, penghidupan semula pelaburan swasta memerlukan negara menangani beberapa isu struktur yang mendalam, seperti berikut:



C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



C2B.1 Menghapuskan dasar afirmatif DEB dengan dasar berdasarkan keperluan untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan sambil menghapuskan halangan pasaran kepada pelaburan swasta

Tawaran baharu kontrak sosial MUDA menawarkan pembangunan yang inklusif untuk mengisi kekurangan yang dihadapai segenap lapisan masyarakat. Pangkalnya adalah untuk melihat permasalahan mengikut data, oleh itu penyelesaiannya juga bersifat objektif dalam mengurangkan jurang kemiskinan.

Kontrak sosial MUDA ini beraspirasi untuk kerajaan memberi perhatian yang khusus kepada *vulnerable communities* seperti Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan Orang Asal, penduduk miskin dan miskin tegar, dan mereka yang mendiami kawasan-kawasan pedalaman, termasuklah di Sabah dan Sarawak, yang terletak jauh daripada limpahan pelaburan ekonomi.

Kajian pasaran banyak menunjukkan bahawa DEB dan amalan yang terhasil daripadanya tidak mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong pelaburan.

Oleh kerana syarikat yang paling berdaya usaha boleh disekat, para usahawan tidak mempunyai insentif untuk melabur dalam pasaran tempatan mereka sendiri atas sebab ketidaksamarataan peluang dan pengagihan ganjaran. Dari masa ke masa, ia menindas dinamik asas keusahawanan dan memupuk amalan *rent-seeking* yang tidak produktif.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Meskipun dengan adanya DEB, kajian pada tahun 2015 menunjukkan bahawa pemilikan ekuiti Bumiputera adalah semakin ketinggalan. Bahkan, pemilikan ekuiti asing telah meningkat dengan ketara sejak tahun 1990. Kajian yang sama juga menekankan bahawa DEB tidak banyak menangani soal pembangunan keusahawanan sebenar Bumiputera.

Sebaliknya, sektor pembuatan E&E Malaysia yang telah dikecualikan daripada keperluan pemilikan telah berjaya berkembang menjadi berdaya saing di peringkat antarabangsa dengan beberapa pendukung-pendukung tempatan. Dalam masa yang sama, hanya sebilangan kecil syarikat tempatan bukan GLC telah berkembang di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, dasar ekonomi yang berasaskan keperluan boleh dilaksanakan bagi menggantikan DEB yang bakal memberikan bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan, tanpa mengira kaum. Pendekatan berasaskan keperluan terdiri daripada gabungan yang berikut:

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Dasar pendidikan yang memberikan akses saksama kepada pendidikan berkualiti



Pemindahan tunai dan dasar cukai yang lebih progresif yang dapat mengagihkan semula kekayaan daripada kumpulan berpendapatan tinggi kepada yang berpendapatan rendah



Dasar buruh yang memudahkan padanan pekerjaan yang lebih baik



Perancangan yang dapat menyediakan:

- penjagaan kanak-kanak dan orang tua yang mencukupi
- penyediaan *support system* untuk golongan wanita berkarier menyertai semula alam pekerjaan
- peletakan kapital dan fasiliti yang secukupnya untuk memenuhi keperluan generasi *sandwich* yang perlu menanggung penjagaan ibu bapa dan anak-anak
- pembukaan peluang untuk wanita dan belia memenuhi kerusi lembaga kepimpinan sektor awam dan swasta.



Dasar perumahan yang menangani ketersediaan tempat perlindungan mampu milik



Pemindahan tunai dan dasar cukai yang lebih progresif yang dapat mengagihkan semula kekayaan daripada kumpulan berpendapatan tinggi kepada yang berpendapatan rendah

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2B.2 Melengkapkan insentif penggunaan teknologi dengan program fasilitasi pelaksanaan yang komprehensif

Penggunaan teknologi dalam kalangan syarikat tempatan merupakan pemacu utama kepada inovasi. Namun, hanya hanya 26% daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan telah memilih pendigitalan pasca pandemik.

Berdasarkan maklum balas pasaran, birokrasi sepanjang proses permohonan telah mengurangkan daya tarikan ke arah automasi. Akibatnya, kebanyakan PKS menjadi tidak berminat oleh kerana proses yang rumit.

MUDA mencadangkan agar satu penubuhan One Stop Centre (OCS) berbilang agensi digerakkan untuk PKS membangunkan kesedaran IR4.0. OCS tersebut boleh menyediakan khidmat nasihat dan pelan hala tuju transformasi teknologi untuk PKS memahami cara penaiktarafan yang terbaik.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



C2B.3 Memperkemaskan insentif Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan program promosi pelaburan

Walaupun FDI telah membantu mewujudkan pekerjaan, kebanyakan FDI menumpukan perhatian kepada operasi bernilai tambah rendah dengan kebergantungan kepada pekerja asing dan input asing.

Oleh kerana negara-negara serantau bersaing untuk menarik FDI, mereka juga cenderung untuk menawarkan pakej insentif yang sama. Ini memberikan Syarikat-Syarikat Multinasional (MNC) kelebihan dalam rundingan untuk menuntut insentif yang lebih banyak. Pada 2021, Vietnam dan Indonesia telah pun menarik lebih banyak FDI manakala Thailand dan Filipina sudah setanding dengan Malaysia.



Insentif-insentif tersebut kebanyakannya adalah dalam bentuk pengecualian cukai korporat, elaun cukai untuk perbelanjaan modal dan bantuan kewangan seperti geran R&D. Ini semua menelan sumber fiskal yang amat besar. Dalam satu kajian oleh BNM pada tahun 2017, kos insentif ini adalah RM10-15 bilion setahun. Kajian juga menunjukkan terdapat lebih daripada 100 program insentif dan landskap promosi pelaburan menerusi 32 Agensi Promosi Pelaburan (IPA) di peringkat nasional, serantau dan negeri. Setiap satu mempunyai objektif, kriteria penilaian dan program insentif mereka sendiri.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Untuk mengelakkan pertindihan insentif FDI,

Pemusatan pengurusan insentif di bawah MIDA perlu diperkuuhkan lagi dengan kuasa ke atas IPA untuk menambahbaik penyelarasan promosi pelaburan

Penjimatan insentif boleh disalurkan ke arah memacu pelaburan langsung domestik (DDI)

Sebaik-baiknya, MIDA yang diperkemas akan mempunyai skop kuasa yang serupa dengan Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura. Keupayaan yang mencukupi (contohnya pasukan khusus dengan keupayaan bahasa asing & komunikasi) juga perlu dibangunkan untuk mewujudkan saluran fasilitasi khusus untuk memudahkan pasaran sumber FDI utama seperti China (memandangkan trend syarikat-syarikat China mempelbagaikan rantai bekalan ke Asia Tenggara baru-baru ini).

Selain itu, insentif bukan cukai juga perlu dipertimbangkan untuk FDI seperti cukai pendapatan peribadi yang lebih rendah untuk pekerja berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, geran R&D dan automasi yang lebih tinggi, dan akses yang lebih besar kepada technology parks. Akhir sekali, penetapan had masa insentif akan menghantar isyarat kepada pelabur FDI bahawa terdapat tempoh yang terhad bagi kelebihan-kelebihan tersebut.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Pelaburan-pelaburan berskala tinggi ini juga boleh menyerapkan program *Malaysia My Second Home Program* untuk menarik tenaga-tenaga pakar asing untuk berpindah ke Malaysia. Pendekatan ini boleh mewujudkan satu talent pool yang boleh menyumbang kepada inovasi dan perkembangan ekonomi tempatan, terutamanya dalam bidang STEM dan R&D. Dengan adanya satu ekosistem keusahawanan nilai tinggi menerusi pelaburan dan penyumbangan tenaga pakar asing, MUDA percaya rakyat Malaysia akan dapat mengakses peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi tanpa perlu berhijrah ke luar negara.

C2B.4 Menggerahkan langkah insentif dan pemudahan secara proaktif untuk menggalakkan Pelaburan Langsung Domestik (DDI)

Perniagaan tempatan tidak diberi insentif untuk melabur dengan secukupnya. DDI pernah tercatat sebagai sebahagian besar (>50%) daripada pelaburan yang diluluskan di Malaysia pada tahun 2014. Pada tahun 2021, ia hanya berjumlah 32% atas sebab pelbagai faktor.

Oleh kerana kebanyakan syarikat Malaysia adalah PKS, ada kemungkinan mereka tidak melabur atas sebab kekurangan pengalaman.

MUDA berpendapat bahawa insentif asas permulaan bagi syarikat tempatan perlu dilengkapi dengan pembangunan OSC yang menggabungkan fungsi agensi-agensi kerajaan berkenaan bagi mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan urusan DDI.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2B.5 Membina keupayaan pendidikan dan R&D untuk memastikan ketersediaan bakat bagi menyokong pelaburan

Cabar utama yang menghalang perniagaan untuk memulakan pelaburan dalam teknologi dan inovasi untuk mengubah operasi mereka adalah ketersediaan bakat. Walaupun dengan wujudnya intensi kerajaan, syarikat akan teragak-agak untuk melabur jika tidak ada bakat yang mencukupi. Cabarannya lebih besar bagi PKS yang mengalami kesukaran untuk mengupah bakat kerana mereka perlu bersaing dengan syarikat-syarikat yang lebih berkemampuan.

Usaha untuk merapatkan jurang ini bergantung pada beberapa tonggak. Contohnya, Malaysia perlu menyediakan sisyem pendidikan yang mampu melahirkan graduan dengan keupayaan STEM dan teknikal yang sesuai, program latihan berterusan untuk menaik taraf pekerja, penambahan kemahiran digital dan kerjasama R&D di kalangan syarikat multinasional, syarikat tempatan dan universiti.



C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

➤ C2C: Fokus MPB 3: Mewujudkan ekosistem pembiayaan alternatif yang diperkemas dan menyeluruh untuk menyokong transformasi perniagaan Malaysia

Malaysia perlu mempunyai pembiayaan alternatif yang lebih kukuh untuk membiayai perniagaan Malaysia yang berpotensi tinggi. Ketiadaan pembiayaan ini bukan sahaja telah menghalang ramai usahawan daripada mengubah perniagaan mereka, tetapi juga memaksa beberapa perniagaan yang diasaskan di Malaysia (contohnya; Grab) untuk berpindah ke Singapura di mana ekosistem pembiayaan dan sokongan adalah lebih tersedia.

Pelaburan peringkat awal (menerusi VC) dan peringkat akhir (PE) adalah antara bentuk pembiayaan alternatif yang paling diperlukan. Ini berbeza daripada pembiayaan bank kerana pelaburan dalam ruang ini secara amnya membiayai perniagaan berisiko tinggi atau transformatif yang mengambil masa lebih lama untuk memulangkan modal.

Oleh itu, walaupun Malaysia mempunyai peluang untuk mewujudkan lima unicorn menjelang 2025, MUDA sarankan agar kerajaan memastikan bahawa ia mempunyai kumpulan pembiayaan alternatif yang lebih besar dan persekitaran yang lebih memudahkan memandangkan kadar pelaburan VC & PE di Malaysia adalah jauh lagi rendah jika dibandingkan dengan jiran serantau seperti Singapura dan Indonesia.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2C.1 Pengumpulan dan penyelarasan sumber awam untuk mencapai skala dan pembiayaan berterusan

MUDA berpendapat bahawa pembiayaan VC kerajaan perlu berterusan untuk memastikan pertumbuhan industri VC yang mampan. Pada tahun 2018, kerajaan telah mengumumkan bahawa GLIC terbesar seperti PNB, EPF, Khazanah Nasional, Tabung Haji dan KWAP bersetuju untuk melabur sebanyak RM1 bilion ke dalam modal teroka VC. Sementara itu, Penjana Kapital yang ditubuhkan baru-baru ini mempunyai peruntukan sebanyak RM1.2 bilion (RM600 juta dalam dana pelaburan dengan RM600 juta lagi untuk padanan 1:1) telah diposisikan sebagai usaha memulihkan ekonomi berikutan pandemik. Setakat ini, tidak ada perkhabaran dari kerajaan sama ada peletakan kapital sebegini akan diteruskan.

Kedua, sumber daripada entiti pelaburan awam perlu dikumpulkan dan digunakan melalui struktur tunggal Fund of Funds (FOF) untuk kecekapan pelaburan yang lebih baik. MUDA mencadangkan agar MAVCAP dan Penjana Kapital disatukan memandangkan kedua-duanya mempunya overlap dalam ruang pelaburan yang sama.

Selain daripada Penjana Kapital dan MAVCAP, terdapat juga beberapa dana awam lain (contohnya Cradle Fund dan MRANTI) di mana mandatnya perlu diselaraskan dan diperkemas untuk menyelaraskan pengumpulan dan pelaburan dana awam.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2C.2 Meningkatkan pembiayaan awam dan memberi insentif kepada pembiayaan swasta

Pembiayaan VC dan PE secara tradisinya datang dari sektor awam.

Majoriti dana, walaupun tidak disandarkan kerajaan, masih dikumpul daripada pelabur awam seperti KWSP, KWAP dan LTH.

Di sini, terdapat potensi untuk GLIC meningkatkan peruntukan mereka. Berdasarkan laporan yang ada misalnya, kebanyakan GLIC pada masa ini hanya mempunyai 3%-5% aset pelaburan mereka dalam kelas aset ekuiti swasta. Peningkatan penyertaan daripada GLIC akan memberi dorongan untuk menarik lebih banyak pembiayaan daripada sektor swasta.

Seterusnya, untuk menarik kemasukan dana swasta dan asing, kerajaan boleh menambah pembiayaan dengan menyediakan padanan dana (seperti model padanan 1:1 Penjana Kapital). Singapura, yang telah menggunakan pendekatan ini dengan agak berjaya, telah memadankan dana setinggi nisbah 7:1. Untuk meningkatkan *knowledge transfer* dana tempatan, kerajaan boleh terus memacu perkongsian antara dana tempatan dan dana asing sebagai salah satu kriteria pemilihan pengurus dana.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



Oleh kerana syarikat-syarikat Malaysia tidak membuat pelaburan secara besar-besaran, kerajaan boleh melaksanakan insentif cukai pelaburan korporat untuk melabur atau menubuhkan dana VC. Contohnya, insentif boleh distrukturkan untuk menampung 100% pelaburan setiap tahun, dengan had sebanyak RM20 juta dan tempoh pelaburan selama 2 tahun sebelum pengecualian cukai dituntut. Walaupun bentuk insentif sebegini telah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, ia masih belum dilaksanakan.



C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

C2C.3 Memperhalusi seni bina ekosistem pemangkin start-up untuk membantu menjana aliran urus niaga yang berkualiti

MUDA berpendapat program inkubasi *start-up* dan *accelerator* boleh diperbanyakkan di setiap negeri. Dengan adanya *touching point* yang lebih meluas – pengenalpastian *start-up* yang berpotensi akan dapat dilakukan dengan lebih kerap.

MUDA mencadangkan agar kerajaan turut menyediakan platform untuk *start-up* berhubung dengan rakan kongsi serantau, mentor dan pelabur di peringkat antarabangsa seawal fasa permulaan. Untuk *start-up* yang berpotensi tinggi, kerajaan juga boleh memainkan peranan menerusi *matching programs* yang melibatkan kepakaran universiti, institusi penyelidikan dan bahagian R&D pemain industri berteknologi tinggi.

Hidupkan semula Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) melalui perkongsian dengan fintech & pembiaya swasta

Terdapat lebih daripada 1 juta PKS di Malaysia, yang menggaji kira-kira 48% daripada tenaga kerja dan menyumbang lebih daripada 38% daripada KDNK pada tahun 2020. PKS bagaimanapun menghadapi cabaran dalam mengakses kredit DFI disebabkan faktor-faktor seperti:

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI



PKS tidak mempunyai hubungan perbankan yang panjang untuk menyediakan data tambahan

PKS yang lebih kecil tidak mempunyai hubungan perbankan yang panjang untuk menyediakan data tambahan

MUDA percaya bahawa ketidakpadanan ini bagaimanapun boleh dirapatkan oleh model penilaian kredit alternatif. Contohnya, kerajaan boleh mendorong DFI untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat *fintech*. DFI seperti Bank SME, Bank Pertanian dan Bank Pembangunan juga boleh meneroka kerjasama dengan pemain *fintech* dan bank sektor swasta untuk meningkatkan penawaran produk dan penilaian risiko dalam usaha pembantu PKS menambahbaik operasi dan skala perniagaan.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Pengkhususan khas untuk peletakan kapital di Sabah dan Sarawak

Dengan adanya sumber kapital yang pelbagai dan lebih berfokus seperti yang dicadangkan MUDA, inisiatif inkubasi idea boleh dipelbagai dan diperbanyakkan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Peletakan kapital yang strategik boleh menjana peluang-peluang ekonomi baru dan memacu penyelesaian berinovasi berdasarkan pengetahuan lokal.

Memandangkan Sabah dan Sarawak adalah dua negeri yang memerlukan perhatian khusus ke arah pembangunan, kerajaan boleh memberi insentif kapital kepada usahawan tempatan untuk menyelesaikan isu setempat seperti rangkaian logistik yang terhad, penyimpanan bahan makanan, penggunaan teknologi moden dalam pertanian, dan juga peningkatan kapasiti *downstreaming* hasil tempatan. Dengan adanya pelaburan sebegini, masyarakat tempatan boleh melaksanakan idea dan perancangan sedia ada dengan segera - dan sekaligus mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

➤ C2D: FOKUS MPB 4: Meningkatkan Kesediaan untuk Masyarakat Malaysia yang Semakin Tua

Berdasarkan statistik Jun 2022, 52% daripada 12.78 juta ahli KWSP di bawah umur 55 tahun (atau 6.62 juta ahli) mempunyai simpanan <RM10k. Tambahan pula, 3.2 juta daripada kumpulan ini sebenarnya mempunyai tahap simpanan kritikal sebanyak <RM1,000.

Oleh itu, kerajaan perlu mengkaji semula inisiatif tambahan dan adaptasi dasar untuk menangani jurang berdasarkan kos sara hidup semasa dan jangka hayat.

C2D.1 Melaksanakan insurans kesihatan sosial untuk menguruskan perbelanjaan perubatan

Kelaziman penyakit pada usia lanjut ditambah pula dengan limitasi liputan insurans boleh membawa kepada krisis kebijakan awam. Pada masa ini, Malaysia hanya membelanjakan kira-kira 3% daripada KDNK untuk penjagaan kesihatan. Kebanyakan negara-negara maju membelanjakan kira-kira 10% dan ke atas. Kos perubatan Malaysia juga kini meningkat pada kadar purata 10%-15% setahun.

Untuk mencegah situasi ini daripada menjadi lebih kritikal, MUDA mencadangkan mekanisme tersebut:

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

- Pengenalan suatu skim insurans kesihatan sosial yang dibiayai oleh caruman dengan potongan yang dilakukan bersama-sama dengan potongan KWSP dan PERKESO. Kadar caruman bagi skim ini harus berpatutan dan pada skala fleksibel berdasarkan kurungan pendapatan dan tahap umur.

C2D2: Memperkenal ekosistem penjagaan warga emas dan kanak-kanak yang bermutu tinggi

Golongan wanita adalah yang paling terkesan dengan situasi *sandwich society* yang mana mereka dipertanggungjawabkan untuk menjaga kedua-dua orang tua dan kanak-kanak seisi keluarga. Ini jelas dilihat apabila penyertaan wanita dalam tenaga kerja Malaysia adalah antara yang terendah di Asia Timur. Dalam jangka masa panjang, defisit penyertaan ini akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan potensi penambahan pendapatan untuk golongan wanita.

MUDA berpendapat bahawa pihak kerajaan tidak perlu terlibat dalam penyediaan fasiliti dan urusan penjagaan. Dengan pertambahan populasi dan peningkatan peratusan populasi berumur, kerajaan tidak akan dapat menjamin kualiti dan tahap keselamatan di setiap fasiliti kerajaan.

Oleh itu, MUDA mencadangkan untuk pihak swasta membuka pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua di setiap daerah mengikut regulasi, standard ketat dan penetapan harga siling (mengikut kategori servis) oleh kerajaan.

C2: MENINGKATKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN KESAN PENGGANDA YANG TINGGI

Setiap fasilti akan dihadkan kepada maksima 5 orang untuk memastikan kualiti dan keselamatan terjaga. Pengusaha akan diberikan geran dan kredit tanpa faedah untuk memastikan semua kriteria yang ditetapkan dapat dipenuhi dengan segera. Untuk mengekang situasi yang tidak diingini, semua tenaga kerja juga perlu dilatih mengikut piawaian penjagaan antarabangsa dibawah tajaan kerajaan.

Dalam usaha meluaskan pendekatan ini, kerajaan akan menyalurkan bantuan tunai atau pelepasan cukai yang setimpal kepada ibu bapa untuk menanggung kos pembayaran penjagaan.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



Walaupun pelaburan besar telah dibuat untuk beralih daripada model jalan raya ke arah infrastruktur pengangkutan awam rel baru seperti LRT dan MRT, kos untuk projek tersebut juga menelan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh, laluan MRT1 sahaja menelan belanja RM 21 bilion, iaitu kira-kira RM 400 juta setiap kilometer. Tambahan pula, model tumpuan jalan raya sebelum ini sering menatijahkan sambungan titik mula dan titik terakhir perjalanan yang mengurangkan kadar efisiensi pengangkutan kereta api.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



➤ D1: Pelan Pengangkutan Awam Nasional

MUDA percaya bahawa sudah tiba masanya untuk kerajaan memberi penekanan lebih kepada sambungan titik mula dan titik terakhir yang membolehkan rakyat memilih untuk berjalan kaki, menaiki bas, kereta api atau kereta. MUDA percaya hanya inilah pilihan penyelesaian jangka panjang MUDA melalui “Pelan Pengangkutan Awam Nasional” (PPAN):



Fokus PPAN 1:

Meningkat dan memperluas akses kepada pengangkutan awam dan sambungan titik terakhir, kemudahan transit dan laluan khusus pengangkutan awam



Fokus PPAN 2:

Memperkenal langkah meningkatkan akses pejalan kaki di kawasan berkepadatan tinggi



Fokus PPAN 3:

“Rangkaian Bas Nasional”: Lorong-lorong khas dan pengangkutan elektrik (bas dan van) di seluruh negara dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali dalam 10 minit dalam tempoh lima tahun.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D1.1 Fokus PPAN 1: Meningkatkan dan memperluas akses kepada pengangkutan awam dan sambungan titik terakhir, kemudahan transit dan laluan khusus pengangkutan awam

Kerajaan perlu bekerjasama dengan infrastruktur rel sedia ada untuk memperluaskan ketersambungan pengangkutan awam dengan menekankan penyelesaian titik mula dan titik terakhir perjalanan. MUDA percaya perhubungan ini boleh ditambahbaik menerusi:

Penyediaan infrastruktur pejalan kaki yang lebih baik seperti laluan pejalan kaki yang selamat, terang dan terlindung

Jalinan kerjasama dengan syarikat sewa basikal, skuter dan motosikal untuk meningkatkan mobiliti ke dan dari stesen rel

Memperkenalkan rak basikal di stesen rel untuk menggalakkan pengguna berbasikal ke stesen tersebut

D1.2 Fokus PPAN 2: Memperkenal langkah meningkatkan akses pejalan kaki di kawasan berkepadatan tinggi

Matlamat pelan ini adalah untuk meningkatkan akses pejalan kaki di kawasan berkepadatan tinggi. Bagi mencapai hal ini, terdapat tiga matlamat yang harus diberi perhatian:

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D1.2.1 Meningkatkan akses pejalan kaki merentasi bandar

- MUDA berhasrat untuk membolehkan rakyat berjalan melintasi pusat bandar dengan kaki lima yang luas dan selamat yang dilindungi teduhan yang mencukupi daripada hujan dan panas.
- MUDA akan berusaha untuk mewujudkan kaki lima yang sesuai dengan sekurang-kurangnya lima kaki lebar di seluruh pusat bandar di semua bandar-bandar utama

D1.2.2 Menukar jalan-jalan utama kepada kawasan jalan kaki untuk mewujudkan ruang hijau dan 'lebuh pejalan kaki' di tengah-tengah bandar

- Seperti yang dibuktikan oleh London yang telah menukar Oxford Street menjadi lebuh pejalan kaki, ruang sedemikian mempunyai potensi besar untuk dijadikan sebagai ruang hijau dan tarikan pengunjung.
- MUDA akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengubah kawasan sesak trafik seperti di Bukit Bintang dan Georgetown kepada kawasan pejalan kaki. Sekaligus, pendekatan ini akan mewujudkan ruang hijau untuk masyarakat berkumpul, bergaul, dan meyokong perniagaan kecil-kecilan.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D1.2.3 Melaksanakan rangkaian laluan pejalan kaki berbungung dan bertingkat sepanjang 15km di jalan-jalan utama di seluruh Kuala Lumpur

- Ini akan membolehkan pejalan kaki bergerak merentasi bandar dengan selesa dengan menyasarkan maksimum 3 minit tempoh perjalanan pejalan kaki ke destinasi masing-masing dari laluan pejalan kaki tersebut
- Jumlah kos laluan pejalan kaki: MUDA menganggarkan sekitar RM 2 bilion berdasarkan penanda aras antarabangsa
- MUDA percaya manfaat pengangkutan dan kesesakan akan jauh melebihi kos tersebut

D1.3 Fokus PPAN 3: “Rangkaian Bas Nasional”: Lorong khas dan pengangkutan elektrik (bas dan van) di seluruh negara dengan kekerapan maksima 10 minit dalam tempoh lima tahun.

MUDA menyasarkan untuk mengalihkan bandar-bandar kita daripada model pengangkutan jalan raya semata kepada model pengangkutan campuran.

Mengambil kira kos pengangkutan rel yang tinggi, MUDA akan memberi tumpuan untuk beralih ke arah penggunaan bas menerusi pelan Rangkaian Bas Nasional

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



- MUDA akan membina liputan bas di seluruh bandar dengan masa menunggu maksima 10 minit
- MUDA akan mewujudkan lorong khusus bas sahaja di jalan-jalan utama terpilih untuk mewujudkan rangkaian bas yang terhubung dan bebas trafik
- MUDA percaya ini boleh dilaksanakan pada kos yang jauh lebih rendah daripada terus membina sistem MRT.
 - Sebagai contoh, sistem Bas Rapid Transit Istanbul dibina dengan kos US\$5.5 juta setiap kilometer (RM24 bilion), kira-kira satu perempat daripada kos sistem LRT dan lapan kali kos MRT.
 - Ini bermakna membina sistem BRT pada kos RM50 juta setiap kilometer adalah jauh lebih murah daripada RM400 juta/kilometer untuk MRT dan RM161 juta/kilometer untuk lebuh raya bertingkat baru
- Sebahagian daripada inisiatif ini memerlukan kerjasama dengan majlis perbandaran tempatan untuk merancang rangkaian bas baru dan pengwujudan lorong khusus bas
 - MUDA akan mengetengahkan usaha inovatif seperti Kumpool yang cuba mewujudkan laluan van e-hailing, sekali gus menyelesaikan isu titik mula dan akhir

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D1.4 Fokus PPAN 4: "Pas Pengangkutan Rakyat": Membolehkan Pengangkutan Awam Diakses Secara Mudah dan Murah

Pas ini akan diseragamkan dengan sistem pendaftaran negara menerusi MyKad. Dengan cara ini, kerajaan akan dapat mengenalpasti kekerapan dan pelepasan harga yang wajar dibayar mengikut pendapatan rakyat. Pas ini akan dibolehpakai pengguna untuk menaiki pengangkutan dalam bandar, antara bandar dan negeri, dan juga dalam penyewaan pengangkutan first-mile & last-mile. MUDA akan memberikan kadar istimewa yang akan memastikan kadar pengangkutan tidak melebihi gaji minima/jam bagi mereka yang dikategorikan sebagai B40, warga emas, OKU dan golongan belia yang belum ada pendapatan.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR

D1.5 Fokus PPAN 5: Merapatkan Jurang Perhubungan Antara Kawasan Luar Bandar-Bandar dan Semenanjung-Borneo

MUDA akan memastikan bahawa setiap daerah akan mempunyai akses pengangkutan yang berjumlah banyak dan pelbagai menerusi menerusi mekanisme yang tidak berkos tinggi.

Contohnya, van berkapasiti 15 orang yang mempunyai nilai maksima RM75,000 boleh digunakan berbanding bas. MUDA juga akan memastikan bahawa penduduk di Sabah dan Sarawak mempunyai jumlah bot yang mencukupi dengan saiz yang bersesuaian mengikut kepadatan penduduk bagi memastikan akses yang kerap dan selamat. Dalam konteks ini, setiap mukim yang terhubung dengan pengangkutan awam yang pelbagai juga akan dilengkapi dengan live tracker perjalanan pengangkutan tersebut di setiap perhentian menunggu.


MUDA juga akan mengenalkan pas penerbangan Semenanjung-Borneo yang akan tertakluk kepada harga siling untuk menggalakkan perhubungan antara kedua-dua demografi. MUDA percaya bahawa dengan adanya perhubungan yang lebih kerap menerusi penambahan jumlah penerbangan dan dengan harga yang lebih murah, kesan limpahan ekonomi akan lebih dapat dirasai. Menerusi penambahan jumlah pengunjung ke Sabah dan Sarawak, MUDA juga akan mendesak syarikat-syarikat penerbangan, terutamanya yang di bawah milikan atau pegangan kerajaan untuk menambah kekerapan penerbangan secara strategik dari pantai barat Sabah dan Sarawak ke kawasan-kawasan yang berpotensi untuk mengembangkan nilai tambah.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR

➤ D2: Pelan Mitigasi dan Adaptasi Iklim Nasional

MUDA percaya kerajaan perlu menyediakan pelan mitigasi bagi perubahan iklim dan cuaca ekstrem.

Oleh itu, MUDA mencadangkan pemikiran semula infrastruktur kita ke arah cara hidup yang lebih lestari, termasuklah dalam menerapkan amalan kitar semula dan guna semula sumber melalui “Pelan Mitigasi dan Adaptasi Iklim Nasional” (PMAIN) MUDA:



Fokus PMAIN 1:

Menyiapkan Malaysia bagi menghadapi cuaca ekstrem



Fokus PMAIN 2:

Menerapkan perkhidmatan pengurusan sisa moden dan hijau di semua daerah

Fokus PMAIN 3:

Meningkatkan usaha pemeliharaan & pemuliharaan



D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D2.1 Fokus PMAIN 1: Menyiapkan Malaysia bagi menghadapi Cuaca Ekstrem


Fokus PMAIN 1 akan mengenal pasti dan melaksanakan projek-projek untuk meningkatkan kesediaan perubahan iklim. Tumpuan segera akan diberikan kepada pembinaan infrastruktur bagi mengurangkan banjir. Banjir adalah keutamaan paling mendesak adaptasi perubahan iklim dan cuaca yang melampau. Bagi tujuan ini, beberapa inisiatif jangka panjang diperlukan untuk mengurangkan impaknya dengan lebih berkesan:

- Infrastruktur perlu dibina dan disesuaikan untuk mengurangkan kekerapan dan intensiti banjir terutamanya di kawasan rendah memandangkan 8 buah negeri dijangka berada di bawah paras laut menjelang 2050:
 - Meneroka penubuhan Loji Air di kawasan rendah untuk mengurangkan kesan daripada hujan lebat.
 - Menggantikan bahan pembinaan jalan raya dengan bahan berliang yang membolehkan lebihan air meresap dan disalurkan ke Loji Air berdekatan melalui rangkaian saliran air bawah tanah yang berkesan.
 - Menambah dan mengukuhkan dinding laut di kawasan berisiko tinggi.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



- Peraturan dan pendekatan terhadap alam semula jadi harus dirombak semula:
 - Kod peraturan bangunan akan dikaji semula, dengan piawaian saliran dinaik taraf mengikut piawaian antarabangsa.
 - Penyusuaian taman-taman awam dan taman permainan bagi menyerap air banjir. MUDA melihat contoh di Amerika Syarikat, seperti di Arrow Walk, yang mana sebuah taman direka khusus untuk dibanjirkan semasa hujan lebat. Fungsinya adalah untuk menyerap air banjir yang, jika dengan ketiadaannya, akan membanjiri kawasan kejiran.
 - Penanaman pelindung semulajadi seperti pohon bakau juga akan diperluaskan supaya ia bertindak sebagai penampan yang mengurangkan kesan ribut dan hakisan.



D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D2.2 Fokus PMAIN 2: Menerapkan perkhidmatan pengurusan sisa moden dan hijau di semua daerah

Banjir besar pada akhir 2021-awal 2022 baru-baru ini berpunca daripada taburan hujan luar biasa yang tinggi digabungkan dengan langkah tebatan banjir yang lemah. Namun begitu sisa pepejal dan sampah sarap turut menyumbang kepada masalah itu dengan menyekat longkang dan saluran air. Selain itu, pengurusan sisa pepejal yang lemah menyebabkan sungai, yang merupakan 97% sumber bekalan air kita untuk tujuan minum dan kegunaan harian isi rumah, tercemar.

Bagi melindungi rakyat Malaysia daripada kesan bencana banjir dan air tercemar, usaha mengurangkan pengeluaran sisa dan menggalakkan pelupusan dan pengurusan sisa secara bertanggungjawab di semua peringkat masyarakat dan dalam kalangan perusahaan merupakan agenda yang perlu diterapkan dengan segera.

Oleh itu, MUDA mencadangkan langkah-langkah ini untuk mengurangkan produk bahan buangan, menggalakkan lebih banyak kitar semula bahan pembungkusan dan e-sisa, dan memperbaiki sistem pengurusan sisa negara.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



I D2.2.1 Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR):

- Melaksanakan dasar *Extended Producer Responsibility* (EPR) mandatori untuk pengeluar/pemilik jenama dan peruncit dengan input produk ke pasaran. Ini boleh menambahbaik pengurusan sisa pembungkusan, meningkatkan kadar pemulihan dan kitar semula sisa pembungkusan keseluruhan, menyokong kecekapan kos dalam rantaian nilai pengumpulan dan kitar semula —sekali gus mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.
- Pelaksanaan EPR dilakukan melalui *Packaging Recovery Organisation* (PRO) yang memanfaatkan pengasingan sisa yang berkesan pada asas sumber. Ini termasuk memastikan pengumpulan berasingan bagi bahan kitar semula dan sisa tidak boleh dikitar semula, serta menyepadukan pengumpulan sisa tidak formal ke dalam sistem pengumpulan formal.
- Pada fasa kedua, mekanisme EPR harus disasarkan kepada pengeluar barang pengguna lain seperti sisa elektronik, automotif serta peruncit e-commerce untuk memastikan penggunaan sisa ini dikurangkan, digunakan semula, dibaiki dan dikitar semula.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



I D2.2.2 Plastik Sekali Guna

- Menghentikan penggunaan Plastik Sekali Guna menjelang 2030 dan melaksanakan levi ke atas plastik sekali guna untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dalam ekosistem semasa.

I D2.2.3 Pengasingan Sisa di Seluruh Negara

- Pengenalan pengasingan sisa isi rumah dan komersial:
 - Sisa basah: terdiri daripada sisa makanan/dapur dan sisa hijau/taman
 - Sisa kering: terdiri terutamanya daripada sisa pembungkusan seperti plastik, kaca dan aluminium.
 - Kategori khas sisa lain yang diperlukan seperti sisa pembinaan, dan sisa bioperubatan.
- Pelaksanaannya dibuat secara berperingkat, bermula dengan Lembah Klang, kemudian lain-lain kawasan bandar besar, dan akhirnya di seluruh negara.
- Dalam tempoh terdekat, MUDA bercadang untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memperluaskan infrastruktur pengumpulan dan pemprosesan kitar semula moden—kedua-duanya untuk memenuhi sejumlah penduduk yang disasarkan yang berdekatan dengan kemudahan itu.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR


D2.3 Fokus PMAIN 3: Meningkatkan Usaha Pemeliharaan & Pemuliharaan

Peralihan Malaysia yang berterusan untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi telah memberi pelbagai tekanan kepada populasi flora dan fauna sehingga menyebabkan banyak spesies telah terdedah dan ada juga yang menghadapi ancaman kepupusan. Sebab utama kehilangan biodiversiti di Malaysia adalah kehilangan habitat, penebangan hutan, eksplorasi berlebihan, pembalakan, pencemaran, pengenalan spesies invasif dan perubahan iklim.

Oleh itu, MUDA komited untuk memastikan hala tuju dasar, penambahbaikan dan penyertaan inklusif yang dapat memulihara biodiversiti Malaysia dan menggalakkan pembangunan yang lebih berlestari:

D2.3.1 Meningkatkan % Kawasan Perlindungan kepada 30%

- Walaupun Malaysia dikurniakan dengan 54% litupan hutan, kawasan perlindungan sepenuhnya di Malaysia hanya menyumbang 4.35 juta hektar pada tahun 2016 (hanya 13% daripada jumlah keluasan tanah Malaysia). Negara ini juga telah menyaksikan kehilangan 2.7 juta hektar hutan primer antara tahun 2002 dan 2020. Kawasan Perlindungan Marin Malaysia pula hanya meliputi sebahagian kecil daripada perairan maritim negara dengan anggaran keluasan sekitar 1.4%.
- MUDA komited untuk meningkatkan peratusan Kawasan Perlindungan kepada 30%.



D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D2.3.2 Memastikan Akauntabiliti dalam Penyahwartaan Hutan oleh Kerajaan Negeri

- Di bawah sistem persekutuan kita, Kerajaan Negeri melalui Ketua Menteri/Jawatankuasa Eksekutif mempunyai kuasa ke atas hutan dan bebas untuk menyahwartakan sebahagian besar hutan pada bila-bila masa.
- MUDA komited untuk memastikan sebarang penyahwartaan hutan dibentang & diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN)—sekali gus membolehkan lebih banyak penelitian & akauntibiliti.

D2.3.3 Memaksimumkan Sarana Ekonomi bagi Usaha Pemuliharaan

- Pada 2022, kerajaan Malaysia telah meningkatkan kadar insentif Pemindahan Fiskal Ekologi atau Ecological Fiscal Transfer (EFT) kepada kerajaan Negeri untuk memelihara kawasan hutan dan laut daripada RM70 juta kepada RM100 juta. Walau bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan serius sama ada sokongan daripada kerajaan Persekutuan ini mencukupi untuk melindungi dan menguruskan biodiversiti di 13 negeri tersebut.
- MUDA mencadangkan peruntukan EFT ditingkatkan kepada RM500 juta bagi memenuhi keperluan mencukupi kerajaan Negeri, sebagai pertukaran untuk mengekalkan peratusan litupan hutan sedia ada—dengan cara yang adil, telus & bertanggungjawab supaya sasaran litupan hutan negara 30% tercapai.



D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR

➤ D3: Meningkatkan Daya Tahan Sekuriti Makanan Negara Melalui Pertanian Moden

Pada 2020, Malaysia telah mengimport makanan bernilai lebih RM55 bilion dan mengeksport RM33 bilion. Walaupun mempunyai lebih daripada 700k hektar tanah pertanian, Malaysia masih tidak dapat memenuhi keperluan makanan domestiknya sendiri. Contohnya, pengeluaran beras hanya dapat memenuhi 70% permintaan tempatan. Tahap sara diri bagi beberapa komoditi makanan ruji juga sangat rendah, terutamanya beras, sayur-sayuran, daging lembu, kambing dan susu. Oleh itu, Malaysia bergantung kepada import makanan untuk menampung kekurangan pengeluaran domestik. Kebergantungan import ini boleh menjelaskan daya tahan bekalan makanan dan keupayaan untuk menguruskan kos bekalan, terutamanya dalam konteks gangguan luaran seperti pandemik, konflik dan gangguan rantai bekalan.

MUDA mencadangkan untuk menyelesaikan jurang pertanian secara holistik kerana sektor ini berpotensi untuk mengagihkan semula pendapatan ke kawasan luar bandar, sekali gus mengurangkan jurang ketidaksamaan antara kawasan luar bandar dan bandar menerusi pendekatan dasar sedemikian:

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D3.1 Penggunaan subsidi pertanian yang lebih berkesan

Walaupun 40% hingga 50% daripada perbelanjaan Kementerian Pertanian dibelanjakan untuk subsidi padi, pengeluaran hasil padi di Malaysia masih tidak berdaya saing. Subsidi ini seharusnya diikat dengan langkah-langkah untuk meningkatkan daya tahan tumbuhan dan hasil setiap tanaman menerusi pelaburan dalam R&D kejuruteraan tumbuhan dan gene modification.

D3.2 Memodenkan amalan pertanian

Untuk memacu pertumbuhan, penstrukturkan semula program subsidi, penambahbaikan amalan pertanian dan sokongan penyelidikan dan pembangunan perlu diperluaskan secara serentak. Usaha teknologi pertanian moden (melalui penggunaan AI, dron, IoT) juga perlu diperkenalkan untuk membantu petani kecil-kecilan untuk menambah baik dan meningkatkan hasil tanaman.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR

D3.3 Memastikan tanah pertanian digunakan sepenuhnya dan meningkatkan akses tanah kepada petani penyewa

Sehingga 2019, terdapat 103,563 hektar tanah pertanian negeri yang tidak digunakan di seluruh Malaysia. Untuk membuka potensi pertanian ini, kod dan ordinan tanah yang berkaitan perlu diperbaharui untuk membolehkan tempoh pajakan “lesen pendudukan sementara” (TOL) yang lebih lama daripada peraturan semasa yang hanya satu tahun. MUDA mencadangkan permohonan TOL pertama untuk pertanian ditingkatkan kepada 5 tahun, diikuti pilihan untuk memperbaharui bagi tempoh 5 tahun sehingga 30 tahun.

D3.4 Pemerkasaan menerusi Dana Agropreneur Belia Negara

Dalam memajak tanah kerajaan bagi pertanian menerusi TOL, perlu juga diwujudkan “Dana Agropreneur Belia Negara” yang dapat menyediakan geran kepada para agropreneur baharu dan belia dalam mendapatkan tanah TOL bagi pertanian. Sebagai balasan, petani baharu akan diikat secara kontrak untuk terus mengusahakan tanah dengan tanaman yang ditetapkan oleh kerajaan bagi memenuhi permintaan tempatan. Geran ini juga boleh dilanjutkan untuk memasukkan pendapatan bulanan minimum tertentu bagi 12 bulan pertama kepada usahawan tani baharu.

Malaysia menghadapi defisit pengeluaran bagi hasil sayur-sayuran, dengan tahap sara diri hanya 50% dihasilkan di atas kira-kira 62,000 hektar tanah ladang. Dengan mengusahakan hanya 30% daripada tanah pertanian terbiar, MUDA boleh meningkatkan tahap sara diri negara bagi hasil sayur-sayuran sehingga 75% sekali gus mengurangkan jurang pengeluaran sebanyak separuh.

D. PEMBANGUNAN LESTARI LUAR BANDAR & BANDAR



D3.5 Mewujudkan Tabung Pengurusan Pertanian (TPP) sebagai Perlindungan Kewangan Agropreneur

MUDA mencadangkan penubuhan Tabung Pengurusan Pertanian (TPP) di bawah pengurusan KWSP, di mana petani, nelayan dan usahawan tani boleh menyumbang peratusan keuntungan atau pendapatan mereka sepanjang musim puncak. TPP kemudiannya akan menyalurkan dana kepada agropreneur dalam bentuk sokongan pendapatan bulanan bagi memastikan agropreneur mempunyai pendapatan tetap asas sepanjang tahun.

D3.6 Mewujudkan Jalinan Hubung Tani Semenanjung-Borneo

Lebih daripada 80% daripada makanan yang dihadam di Malaysia adalah diimpot dari negara. Kesannya, harga makanan di Malaysia adalah terdedah kepada gangguan kepada rantaian bekalan makanan dan juga pergerakan nilai matawang asing. Dalam masa yang sama, Sabah dan Sarawak mempunyai keluasan tanah yang lebih besar daripada Semenanjung. Tanahnya juga subur untuk pertanian, di samping mempunyai jalur sungai yang panjang.

MUDA mencadangkan agar satu jalinan yang menyatupadukan perkhidmatan adaptasi teknologi pertanian moden, logistik, penyimpanan makanan, dan pembeli pukal antara Semenanjung dan Borneo diwujudkan. Menerusi jalinan ini, petani-petani hanya perlu memfokuskan usaha untuk bertani dengan adanya penyediaan tanah dan kapital seperti yang dhuraikan dalam bahagian sebelum ini. Dengan adanya jalinan ini, penduduk Malaysia akan mendapat bekalan makanan yang segar dan berkhasiat dengan harga yang lebih murah. Secara tidak langsung, keutuhan jalinan yang terbuka ini juga akan berpotensi mengurangkan permasalahan child stunting oleh isi keluarga B40.



E. MENGGUBAL PEMBAHARUAN INSTITUSI

E. MENGGUBAL PEMBAHARUAN INSTITUSI

➤ E.1 Memperuntukkan Jumlah dan Akses yang Sama Rata di bawah Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya (CDF)

Sumbangan sama rata kepada penggubal undang-undang di setiap kawasan akan memastikan keadilan dalam melaksanakan program peringkat komuniti. Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya atau Constituency Development Fund (CDF) perlu diurus dan diselia oleh sebuah badan bebas, berbeza dengan pendekatan semasa yang terletak pada budi bicara Pejabat Perdana Menteri. Berikutnya pengagihan dana ini, penerima CDF juga perlu melaporkan pecahan perbelanjaan CDF masing-masing.

➤ E.2 Memperkuuhkan Kebebasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

MUDA mencadangkan agar SPRM diperkasakan dengan menghapuskan hubungannya dengan Badan Eksekutif melalui Pejabat Perdana Menteri. Walaupun SPRM boleh kekal sebagai badan berkanun, SPRM perlu dipantau oleh sebuah suruhanjaya bebas dibawah mandat Perlembagaan Persekutuan.

E. MENGGUBAL PEMBAHARUAN INSTITUSI



➤ E.3 Mengasingkan Kuasa Peguam Negara daripada Pendakwa Raya

Peranan Peguam Negara (AG) dan Pendakwa Raya (PP) tidak bebas antara satu sama lain. Hal ini amat bermasalah kerana gabungan peranan ini bertentangan dengan semangat kesaksamaan dalam menguatkuaskan kedaulatan undang-undang—disebabkan AG mempunyai budi bicara yang luas terhadap pendakwaan. MUDA akan menyokong pindaan perlembagaan yang diperlukan untuk memisahkan Jabatan Peguam Negara semasa kepada dua entiti—di mana AG dipertanggungjawabkan kepada Parlimen, dan PP dengan bebas boleh memulakan pendakwaan tanpa rasa takut atau pilih kasih.

➤ E.4 Menubuhkan Pasukan Petugas Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (“IPCMC”)

MUDA mencadangkan supaya rang undang-undang IPCMC (bacaan kedua) dibentangkan semula di Parlimen bagi memastikan akauntabiliti polis dengan mekanisme institusi yang mencukupi dan saksama. MUDA menolak rang undang-undang sedia ada untuk membentuk Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis kerana ia tidak berkesan dek kerana kurangnya kebebasan, keterhadan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI



➤ E.5 Mengkaji Semula Dasar dan Perundangan yang Berat Sebelah Gender

MUDA adalah gender neutral dan menyokong sepenuhnya inisiatif ke arah pemerkasaan wanita, terutamanya intervensi yang dicadangkan oleh Joint Action Group for Gender Equality:

Menerima pakai Akta Kesaksamaan Gender yang digubal yang mentakrifkan dan melarang semua bentuk diskriminasi terhadap wanita dalam bidang awam dan swasta dan memastikan kesaksamaan de facto wanita

Meminda Akta Kerja 1955 untuk mencegah diskriminasi berdasarkan jantina, bangsa, agama, kehamilan dan status perkahwinan

Meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan ketidakupayaan sebagai alasan "tidak diskriminasi"

Meminda Perkara 15(2) untuk memastikan pemberian kewarganegaraan secara automatik kepada anak yang dilahirkan oleh ibu warganegara Malaysia di luar Malaysia

Meneruskan pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Januari 2020

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI



➤ E.6 Menggesa Pembaharuan GLIC & GLC Baharu

Walaupun beberapa GLC utama Malaysia yang tersenarai di Bursa Malaysia telah berubah menjadi pemain serantau yang kompetitif, terdapat banyak lagi GLC yang lemah yang perlu mengukuhkan operasi dan tadbir urus mereka.

Tidak ada mekanisme yang digariskan dalam menghalang ahli politik daripada mengawal GLC. Kebanyakan GLC juga tidak ada pelan yang koheren untuk menyokong peningkatan daya saing dan kebolehpasaran syarikat swasta.

Oleh itu, kerajaan perlu memainkan proaktif untuk menyemak semula peranan GLC dalam sektor perniagaan:

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI



E.6.1 Mengkaji semula peranan, dasar pemilikan dan peraturan GLIC dan GLC untuk mengurangkan salah agih sumber

MUDA mendorong pengwujudan inventori awam penuh setiap GLC dipetakan sepenuhnya dengan petunjuk yang jelas mengenai peranan, fungsi, keadaan pembangunan, status kewangan, prestasi dan tahap risiko masing-masing. Inisiatif ini akan dapat mengenal pasti dengan jelas pertindihan fungsi, kecekapan peruntukan sumber dan prestasi mereka berbanding objektif yang dinyatakan. Inventori itu juga harus dengan jelas menunjukkan kawasan berisiko yang memerlukan peraturan, penstrukturan semula, penyatuan dan juga pelupusan.

Perhatian juga harus diberikan kepada entiti yang mempunyai konflik pemegang saham dan/atau ahli Lembaga Pengarah.

Kerajaan juga harus komited untuk menghapuskan penggunaan saham emas secara beransur-ansur dalam GLC. Ini meningkatkan kebebasan lembaga GLC dan juga keyakinan pelabur awam terhadap GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia.



E. PEMBAHARUAN INSTITUSI

E.6.2 Melembagakan sebuah badan pengawasan awam bebas ke atas GLIC dan GLC

Sebuah badan pengawasan awam bebas yang diamanahkan dengan pemantauan berterusan GLC dan GLIC perlu ditubuhkan. Badan ini harus bertanggungjawab hanya kepada Parlimen dan diketuai oleh ahli Parlimen Pembangkang dengan ahli-ahli lain. Ini akan memberikan semak dan imbang kepada pengurusan dan pengendalian GLC dan GLIC.

E.6.3 Menolak pelantikan ahli politik yang memegang tanggungjawab dan jawatan dalam GLIC dan GLC

MUDA menolak sebarang lantikan politik dalam Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan GLC dan GLIC sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Pelantikan mestilah berdasarkan kelayakan dan disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan syarikat yang diketuai oleh pengarah bebas. Selanjutnya, lembaga GLC dan GLIC harus majoritinya bebas dan tertakluk kepada penilaian prestasi tahunan.

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI

E.6.4 Mewajibkan pelantikan golongan belia profesional dalam pentadbiran lembaga pengarah GLIC dan GLC

MUDA mendesak untuk setiap lembaga pengarah GLIC dan GLC mewakilkan sekurang-kurangnya seorang wakil daripada golongan belia profesional yang menetapi syarat-syarat berasaskan merit. Golongan belia merupakan demografi terbesar di Malaysia. Adalah penting untuk perspektif dan suara golongan belia diambil kira dalam menentukan hala tuju GLIC dan GLC. MUDA percaya bahawa suara golongan belia boleh ditujukan untuk menyentuh aspirasi masa depan GLIC dan GLC seperti dalam isu-isu kontemporari seperti kesihatan mental, kelestarian alam sekitar, ketidakseimbangan kadar gaji dan juga pendedahan kepada inovasi terbaru seperti teknologi *blockchain*.

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI

➤ E.7 Mendigitalkan Sepenuhnya Perkhidmatan Kerajaan untuk Mengurangkan Susutan & Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan

MUDA mencadangkan menjelang 2030, semua perkhidmatan awam utama perlu tersedia secara dalam talian. Ini boleh dilengkapkan dengan peralihan sistem pengenalan kebangsaan (ID) semasa kepada penyelesaian e-ID. E-ID akan berfungsi lebih baik daripada ID fizikal kerana ia membolehkan integrasi yang lancar ke dalam semua perkhidmatan digital sektor awam dan swasta. Ia juga akan memudahkan proses yang merenyahkan sebelum ini; seperti dalam logistik mendaftarkan rakyat dan memperuntukkan subsidi/bantuan tunai.

Dalam konteks penduduk luar bandar, MUDA mendesak bahawa setiap agensi pendigitalan dan pembangunan luar bandar digembeleng di lapangan untuk memastikan kadar pendaftaran 100% dalam tempoh 6 bulan pelancaran inisiatif ini.

➤ E.8 Memastikan Tuntutan Sabah dan Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) Dipenuhi Sepenuhnya

MUDA menjamin bahawa tuntutan wilayah Sabah dan Sarawak dalam MA63 akan disuarakan oleh wakil-wakil MUDA di Parlimen. MUDA bersetuju agar tuntutan MA63 dipenuhi bagi memastikan pembangunan yang lebih inklusif dan berekuiti antara Semenanjung dan Borneo.

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI

➤ E.9 Penyeragam Kawalan dan Operasi Pendidikan TVET

Sabah tahun, program TVET menerima peruntukan berbilion ringgit untuk memenuhi keperluan industri. Namun, pendekatan TVET yang tidak berkoordinasi telah mengurangkan kadar keberkesanan peletakan tersebut.

Untuk memastikan keseimbangan dasar, kualiti, keberkesanan pelaburan dan akses, MUDA mencadangkan agar kesemua inisiatif TVET diseragamkan dibawah satu agensi yang dimiliki penuh oleh Kementerian Pendidikan. Melalui cara ini, *overlapping* antara 10 kementerian/kerajaan negeri akan dikurangkan dan secara tidak langsung mengurangkan ketirisan perbelanjaan serta birokrasi.

➤ E.10 Menyemak Semula Peranan Tabung PTPTN dan Pembebahan Hutang Graduan

Walaupun Tabung PTPTN ini bertujuan untuk meningkatkan akses pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT), kos pembelajaran di institut pengajian tinggi swasta yang semakin membebani telah secara tidak langsung meninggalkan legasi hutang kepada graduan dan kepada kerajaan. Hutang PTPTN kini adalah lebih besar daripada hutang dan kerugian 1MDB dan berkembang saban tahun.

MUDA mencadangkan agar sistem yuran IPT swasta dilihat semula dan dirombak, terutamanya kolej-kolej yang bersifat *predatory* dengan kadar yuran tidak munasabah. MUDA mencadangkan bahawa sebarang pemberian kredit daripada PTPTN diikat dengan peningkatan kualiti IPT agar kebolehpasaran graduan dapat ditambahbaik selari dengan hutang yang ditanggung.

E. PEMBAHARUAN INSTITUSI

➤ E.11 Mendesak KWSP untuk Membolehkan Pembayaran KWSP oleh Kontraktor *Gig Economy*

Dengan kadar pengangguran yang kalangan belia mencecah $>10\%$ dan $>40\%$ daripada belia *underemployed*, ramai yang terpaksa bergantung kepada pekerjaan *gig economy* untuk menyara kehidupan. Namun, mereka ini tidak mendapat *financial safety net* tanpa adanya *mandatory contribution* daripada kontraktor-kontraktor.

Keadaan ekonomi yang tidak menentu membuatkan golongan belia terdedah kepada ketiadaan wang simpanan. MUDA cakna bahawa terdapat kekangan undang-undang untuk membolehkan *mandatory contribution* daripada kontraktor. Namun, MUDA percaya bahawa inisiatif ini boleh dilakukan menerusi pemindaan undang-undang kepada Akta Kerja, sebagai contoh.

Oleh itu, MUDA akan mempelopori usaha-usaha untuk membolehkan pembayaran KWSP majikan walaupun kontraktor tidak ditakrifkan sebagai "majikan" dalam konteks sedia ada.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



MUDA sedar akan pentingnya menyiapkan rakyat Malaysia yang kalis masa depan terhadap daya saing yang semakin meningkat di negara jiran serantau kita. Sekiranya ini tidak diselesaikan dengan segera, Malaysia berisiko terperangkap dalam pertumbuhan ekonomi yang kurang bermutu—sekali gus mengehadkan peluang untuk rakyat bekerja dalam sektor bernilai tinggi. Pelaburan besar kerajaan dalam sektor pendidikan tidak membawa hasil yang memuaskan kerana masih ramai yang tidak mempunyai akses dan pendidikan berkualiti.

Oleh itu, MUDA mencadangkan strategi serampang dua mata untuk menambah baik akses rakyat kepada pendidikan dan memastikan kualiti pendidikan kita setanding dengan negara-negara maju:



F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA

➤ F1. Meningkatkan Akses kepada Pelajar Yang Paling Terdedah

| F1.1: Memperbaharui matlamat penggunaan sekolah berasrama penuh

Semua Sekolah Berasrama Penuh akan diperbaharui melalui program "Memperbaharui Matlamat Penggunaan Sekolah Berasrama Penuh" untuk memberikan pendidikan berkualiti hanya kepada pelajar daripada kategori B40. Pelajar di kawasan luar bandar yang menghadapi masalah berulang-alik, tanpa mengira prestasi akademik mereka, akan dikenal pasti bagi menghadiri Sekolah Berasrama Penuh terdekat. Di kawasan yang lebih terpencil di mana sekolah usang dan infrastruktur awam kurang, dana akan diperuntukkan untuk membaik pulih sekolah berdekatan dengan kemudahan asrama dan ruang tambahan untuk menempatkan semua pelajar yang terjejas.

| F1.2: Meningkatkan ketersambungan digital di setiap sekolah

Memandangkan peratusan komuniti pedalaman dengan capaian jalur lebar masih rendah iaitu <55%, MUDA mencadangkan agar semua Sekolah Berasrama Penuh dan sekolah di kawasan yang mempunyai sambungan terhad diperkakaskan dengan akses internet dari Starlink dengan kos <USD2,500 setiap sekolah.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



F1.3 Menyediakan tab digital kepada setiap pelajar B40 & M40 yang layak

Tab digital harus diprogramkan dengan kompilasi lengkap bahan belajar digital—atau dengan akses kepada bahan yang boleh dimuat turun melalui Cloud Storage. Penggunaan tab digital ini akan menggantikan penggunaan rujukan bercetak di semua sekolah awam.

F1.4 Menyediakan Bank Sumber dalam talian

Guru terbaik bagi setiap mata pelajaran di pelbagai peringkat akan dijemput untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk menghasilkan kandungan digital bagi setiap topik sukatan pelajaran. Bahan-bahan ini boleh dimuat turun melalui *Cloud Storage* yang boleh dicapai oleh setiap guru & pelajar.

Dengan mendemokrasikan kandungan berkualiti, pelajar dari mana-mana latar belakang boleh mendapat manfaat tanpa perlu membelanjakan sumber tambahan untuk kelas tuisyen. Bank sumber juga akan menyusun modul dan panduan ke arah peningkatan kemahiran digital, terutamanya untuk kemahiran digital yang mempunyai permintaan tinggi seperti *programming*, pengekodan dan analisis data.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



F1.5 Mempermudah akses pendidikan kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan terpinggir

MUDA mendorong agar kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia tanpa kewarganegaraan diberikan hak untuk mendapat pendidikan di peringkat rendah dan menengah. Terdapat ramai daripada kalangan kanak-kanak ini yang dijadikan mangsa keadaan atas sebab kerumitan undang-undang atau kerana tidak adanya capaian kepada pendaftaran kewarganegaraan seperti di kawasan pedalaman, estet dan kepulauan kecil. MUDA juga berpendapat bahawa golongan ini perlu diberikan perhatian yang khusus menerusi *remove classes* sehingga mereka boleh menguasai kemahiran mengira, membaca dan mengira asas sebelum diserapkan dalam sistem pendidikan untuk mengelakkan risiko *drop out*.

F1.6 Membolehkan pendaftaran semua kanak-kanak B40 & M40 ke pra-sekolah

MUDA cakna akan ketidakbolehan demografi tertentu untuk mendaftarkan anak-anak kecil mereka ke pra-sekolah. Oleh itu, MUDA akan menghapuskan kos pendaftaran pra-sekolah untuk kanak-kanak dari isi keluarga B40. Untuk kanak-kanak dari pengelasan M40, MUDA bercadang untuk memberi diskaun, pelepasan cukai pada kadar yang lebih tinggi, atau subsidi tunai secara langsung. Walaupun pendekatan ini akan memberi impak kos yang dianggarkan melebihi RM1 billion setahun, pelaburan modal insan ini adalah berbaloi memandangkan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran kanak-kanak seawal umur 4 tahun dapat memberikan tambah nilai yang terbesar kepada perkembangan minda.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA

Seperti yang dihurstai dalam Bahagian C2D2, MUDA akan memberi ruang kepada pengusaha-pengusaha untuk menyediakan akses pra-sekolah ini di setiap daerah berdasarkan ketetapan kualiti, fasiliti, tenaga pengajar, pendekatan silibus dan jumlah maksima pelajar pada satu-satu masa.

F1.7 Memastikan setiap pelajar sekolah rendah milik kerajaan diberikan sarapan percuma

MUDA bersetuju bahawa sarapan perlu diberikan secara percuma kepada setiap pelajar sekolah rendah milik kerajaan tanpa mengira latar belakang pendapatan keluarga. Biarpun cara ini boleh dilakukan secara tersasar, pendekatan universal ini adalah untuk mengelakkan konotasi negatif dan pengekelasan mengikut pendapatan ibu bapa di sekolah. Menerusi pendekatan ini, kerajaan juga akan dapat mengurangkan kadar child stunting dan menggalakkan pelajar-pelajar yang ketinggalan pelajaran untuk hadir ke sekolah.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA

➤ F2: Reskill dan Upskill Bakat Sedia Ada

| F2.1 Menghapuskan halangan berkaitan kos ke arah peningkatan kemahiran yang didorong oleh industri

Memperluas *boot camp* literasi digital peringkat awal, pertengahan dan tinggi di seluruh negara tanpa sebarang kos kepada calon yang dapat menghabiskan program ini.

Pengambilan dan sukanan pelajaran harus dipadankan dengan permintaan industri sedia ada untuk pekerjaan segera dalam sektor bernilai tinggi.

| F2.2 Guna semula pendidikan TVET ke arah memprofesionalkan pekerjaan sendiri & sokongan teknikal *back-end*

Semua program TVET perlu diorientasikan semula ke arah bekerja sendiri dalam perkhidmatan asas (contohnya juruelektrik, *chef*, tukang paip) dengan modal benih di bawah Model Pembangunan Baru (MPB) atau pekerjaan yang dipadankan dengan peranan back-end atau teknikal di seluruh industri.

Dalam masa yang sama, program-program TVET ini akan diseragamkan dengan pendidikan di peringkat menengah di setiap sekolah. Pelajar-pelajar tidak lagi perlu memilih arus jurusan selepas Tingkatan 3, bahkan mereka boleh memilih untuk mencampuradukkan pendekatan pelajaran yang paling relevan mengikut minat mereka. MUDA mengambil pendekatan untuk memperluas akses kepada pendidikan TVET di setiap sekolah agar pelajar tidak terikat dengan suatu sistem yang tidak

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



mempunyai nilai cross-learning. Aspirasi MUDA adalah untuk melihat pelajar lepasan menengah menjadi industry-ready dan/atau academically-ready untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti sekiranya mereka berminat.

F2.3 Memberikan autonomi mutlak kepada semua institusi pendidikan tinggi awam

MUDA cenderung untuk memberikan kepimpinan semua institusi pendidikan tinggi autonomi untuk menentukan hala tuju terbaik berdasarkan merit, kehendak industri, dan perubahan terkini konten dan pedagogi pembelajaran. Seperti pendekatan tadbir urus GLC dan GLIC, institusi pendidikan tinggi dilarang daripada membuat pelantikan oleh ahli politik yang memegang tanggungjawab di dalam dan luar parti.

F2.4 Menyemak semula semua sukanan pelajaran pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi awam

Setiap institusi pengajian tinggi awam perlu menukuhkan jawatankuasa pakar berasaskan industri untuk menyemak semula sukanan pelajaran STEM sedia ada bagi integrasi dengan permintaan industri sedia ada dan masa depan supaya graduan industry-ready dan boleh diambil bekerja sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian mereka. Bagi pelajar bukan STEM, MUDA mencadangkan penguasaan mandatori sekurang-kurangnya satu industri atau pengkhususan yang mempunyai permintaan tinggi, termasuk melalui *internship* dan *externship*.

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



Dalam konteks ini, MUDA juga menyarankan agar pembelajaran di dalam dan luar kelas diseragamkan pada ratio 1:1. MUDA meletakkan sasaran agar pembelajaran dalam kelas tidak melebihi 15 jam seminggu untuk bukan STEM, dan maksimum 18 jam seminggu untuk bidang STEM. Selebihnya, institut pendidikan perlu memastikan bahawa pelajar dapat mengaplikasikan pembelajaran mereka menerusi pekerjaan separa-masa atau externship. Menerusi pendekatan ini, para pelajar pendidikan tinggi akan mempunyai sekurang-kurangnya 1.5 tahun pengalaman bekerja sebaik tamat pengajian.

| F2.5 Memperluas hab inkubasi ke setiap daerah

Setiap inkubator akan dimodelkan menurut konsep co-working di mana bakat-bakat dapat memanfaatkan fasilitator dalaman/jurulatih industri dan kemudahan sedia ada untuk mengembangkan idea menjadi prototaip. Proses inkubasi harus dipacu-hasil sementara jurang yang dapat dikenalpasti harus dipulihkan dengan sewajarnya—seperti melalui modal benih MPB, padanan industri, dan inisiatif upskill atau reskill.

| F2.6 Memperhebat perkembangan bakat dalam industri sukan

Industri sukan adalah satu ekosistem yang boleh menjana pendapatan menengah dan tinggi dengan adanya strategi yang sesuai dengan competitive edge negara kita. Dalam masa yang sama, dana yang terhad memerlukan MUDA untuk memberi

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



penekanan kepada bidang-bidang sukan yang berpotensi untuk membawa impak terbesar dari segi kualiti, kuantiti dan akses kepada rakyat.

Oleh itu, MUDA akan meletakkan dana untuk melatih tenaga pelatih, memperbanyak pusat-pusat latihan milik swasta dan kerajaan sebanyak 10x ganda, dan mewujudkan pertandingan seawal umur 5 tahun dan ke atas. MUDA juga akan mewujudkan dana khas untuk mengenalpasti bakat-bakat muda yang boleh digilap ke peringkat tertinggi antarabanga. Antara sukan-sukan yang boleh dipilih kerana *multiplier effect* yang tinggi pada kos yang berpatutan adalah ragbi, hoki, renang/terjun, badminton, tenis, atletik, lumba basikal, *tenpin & lawn bowl*, kriket dan skuasy.

F2.7 Memacu pembangunan industri seni, profileman dan muzik

MUDA percaya bahawa rakyat Malaysia berpotensi untuk menghasilkan karya kreatif bertaraf tinggi, seperti yang dilakukan menerusi penerbitan animasi Upin & Ipin dan Didi & Friends. Beberapa pemuzik tempatan juga telah berjaya menembusi pasaran Nusantara yang mempunyai kuasa pasaran melebihi 300 juta orang. Kita dapat melihat di Hollywood apabila industri profilemen dan muzik yang maju telah mewujudkan sebuah ekosistem pekerjaan bernilai tinggi dan pengekspotan harta intelek ke seluruh dunia. Penerapan budaya ini perlu bermula

F. PEMBINAAN SEMULA MODAL INSAN MALAYSIA



dari awal menerusi pendedahan kepada teknik dan eksperimentasi yang dipacu oleh pembelajaran formal dan tidak formal. MUDA terbuka untuk mewujudkan satu dana khas untuk menyokong usaha-usaha untuk merakyatkan didikan kreatif, serta melindungi dan mengkomersilkan hasil kreatif bakat Malaysia ke luar negara – terutamanya dalam perfileman digital and pengkaryaan muzik.



MUDA

DIKETUA OLEH:

Ketua Biro Dasar, MUDA (Ogos '22 - Kini)

PENYUMBANG BERSAMA:

Han Jun Siew
Adam Azrai bin Mazli
Lim Wu Cong
Syed Mohamed Fazil
Cheong Khai Khuang
Bernard Ow
Azad Akbar Khan
Hasya 'Aqilah
Hiral
Darma Maniam
dan ramai lagi pemikir patriotik yang tidak mahu dinamakan.